

**DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT KETIGA (BAJET)**

---

**Shah Alam, Isnin, 20 Oktober 2008**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)

Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

Y.B. Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom,  
PJK. (Morib)

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

Y.B. Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

**TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Negeri Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Shukri bin Mohamad Hamin  
**Setiausaha**

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh  
**Penolong Setiausaha**

Cik Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha II**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Faizah bt. Mohd. Shafawi  
**Penolong Pegawai Tadbir**

## **BENTARA**

Encik Md. Saref bin Salleh

## **PELAPOR PERBAHASAN**

Puan Hajah Noridah binti Abdullah  
Cik Siti Salina bt. Muftar

**(Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN :** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum Warahmatulahi wataala Wabarakatuh dan salam sejahtera.* Aturan Urusan Mesyuarat Kali Ketiga (Bajet) Penggal Pertama Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedua belas dimulakan dengan bacaan Doa.

**I. DOA**

**II. PROKLAMASI**

**SETIAUSAHA DEWAN :** PROKLAMASI OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA.

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam *Warta* memanggil Dewan Negeri :

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN DAN DAERAH TAKLUKNYA, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 20 Oktober 2008 hingga 24 Oktober 2008 atau sehingga selesainya semua urusan mesyuarat, dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Kedua

Belas yang akan diadakan di Dewan Undangan Negeri Selangor Darul Ehsan, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 18 hari bulan September 2008.

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER** : Salam bahagia dan selamat pagi Y.A.B. Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri, pegawai-pegawai kerajaan dan para hadirin sekalian. Selamat datang dan selamat bertemu semula di mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Selangor yang kedua belas. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sidang Dewan kali ini merupakan sidang Bajet untuk tahun 2009 di mana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar akan membentangkan Bajet pertama Kerajaan baru di bawah pimpinan beliau. Saya berharap Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian akan memberikan pandangan yang bernas dan konstruktif kepada kerajaan untuk bersama-sama membina sebuah Selangor yang memenuhi dan menepati hasrat rakyat.

Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, saya ingin memaklumkan bahawa Kota Alam Shah masih berada di bawah tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di Kem Tahanan Kemunting. Beliau telah memohon cuti dan cuti telah pun dibenarkan. Saya berdoa agar beliau akan dibebaskan dalam tempoh masa yang terdekat. Untuk makluman, walaupun Dewan telah ditetapkan untuk bersidang selama lima hari, tetapi memandangkan terdapat dua belas perkara termasuk Rang Undang-Undang dan Usul yang dibawa oleh pihak kerajaan dan Ahli Yang Berhormat, kemungkinan besar Sidang akan di sambung minggu hadapan. Sekian sahaja dan sekarang saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat. Dipersilakan.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat Ketiga membentangkan kertas-kertas mesyuarat.

### **III. MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT :**

- i) Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2008
  - Enakmen Perbekalan (2009) 2008
  - Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2008
  
- ii) Kertas Mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2008
  - Enakmen Perbekalan Tambahan(No.1)2008

- iii) Kertas Mesyuarat Bilangan 7 Tahun 2008
  - Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor)(Pindaan) 2008
  
- iv) Kertas Mesyuarat Bilangan 8 Tahun 2008
  - Dasar Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025
  
- v) Kertas Mesyuarat Bilangan 9 Tahun 2008
  - Surat Akuan Ketua Audit Negara dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006 Bagi (12) Pihak Berkuasa Tempatan:-
    - Majlis Bandar raya Shah Alam
    - Majlis Perbandaran Petaling Jaya
    - Majlis Perbandaran Klang
    - Majlis Perbandaran Ampang Jaya
    - Majlis Perbandaran Subang Jaya
    - Majlis Perbandaran Selayang
    - Majlis Perbandaran Kajang
    - Majlis Perbandaran Sepang
    - Majlis Daerah Kuala Selangor
    - Majlis Daerah Hulu Selangor
    - Majlis Daerah Kuala Langat
    - Majlis Daerah Sabak Bernam
  
- vi) Kertas Mesyuarat Bilangan 10 Tahun 2008
  - Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Berakhir 31 Disember 2007
  
- vii) Kertas Mesyuarat Bilangan 11 Tahun 2008
  - Penyata Kewangan Kumpulan Tabung Warisan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007
  
- viii) Kertas Mesyuarat Bilangan 12 Tahun 2008
  - Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Selangor Tahun 2007

- ix) Kertas Mesyuarat Bilangan 13 Tahun 2008
  - Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2007
  
- x) Kertas Mesyuarat Bilangan 14 Tahun 2008
  - Memorandum Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007
  
- xi) Kertas Mesyuarat Bilangan 15 Tahun 2008
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban Dan Ketelusan (*Special Select Committee On Competence, Accountability And Transparency - Selcat*) Bagi Dewan Undangan Negeri Selangor Darul Ehsan Kedua Belas Tahun 2008
  
- xii) Kertas Mesyuarat Bilangan 16 Tahun 2008
  - Arahan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) Pada Elaun Sebagaimana Yang Diperuntukkan Di Bawah Seksyen 5, Enakmen Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980 [Enakmen No. 8 Tahun 1980]
  
- xiii) Kertas Mesyuarat Bilangan 17 Tahun 2008
  - Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor Bagi Tahun 2006
  
- xiv) Kertas Mesyuarat Bilangan 18 Tahun 2008
  - Laporan Tahunan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor Tahun 2007
  
- xv) Kertas Mesyuarat Bilangan 19 Tahun 2008
  - Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007
  
- xvi) Kertas Mesyuarat Bilangan 20 Tahun 2008
  - Anggaran Perbelanjaan Perbekalan Tambahan Pertama, 2008

- xvii) Kertas Mesyuarat Bilangan 21 Tahun 2008
  - Anggaran Perbelanjaan 2009
  
- xviii) Kertas Mesyuarat Bilangan 22 Tahun 2008
  - Cadangan Pindaan Peraturan-peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor
  
- xix) Kertas Mesyuarat Bilangan 23 Tahun 2008
  - Enakmen Penghinaan Dewan 2008

#### **IV. USUL**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat keempat. Usul Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : “ Bahawasanya mengikut Perenggan (2) dan Peraturan Tetap 13 bagi Dewan Undangan Negeri Selangor, Dewan yang bersidang pada hari ini, membuat ketetapan supaya Aturan Urusan Mesyuarat pada pagi ini 20 hari bulan Oktober 2008 dipinda, iaitu supaya membolehkan Aturan Urusan Mesyuarat No. 6 dijalankan selepas Aturan Urusan Mesyuarat No. 5, iaitu Pertanyaan-Pertanyaan “ .

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan usul ini untuk mendapat keputusan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

#### **V. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Pertanyaan-Pertanyaan.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Antarabangsa.

**Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI** : Tuan Yang Dipertua... .. Tuan Speaker saya kemukakan soalan no. (1).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI**

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Apakah mekanisma yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengurangkan defisit aliran tunai dalam kedudukan kewangan Kumpulan Wang Pembangunan seperti yang dilaporkan pada tahun 2007 iaitu sebanyak RM59.13 juta tanpa memberi kesan ke atas arus pembangunan di negeri Selangor khasnya.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** *Bismillahi Rahmanir Rahim.* Tuan Speaker, Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Antarabangsa, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri yang dihormati. Sebelum agak terlewat, saya secara persendirian, saya bagi pihak keluarga mengucapkan selamat Hari Raya Aidilfitri dan Maaf Zahir Batin kepada semua Ahli Dewan yang beragama Islam dan kepada Ahli Dewan yang lain marilah kita sama-sama meraikan bulan ini supaya kita dapat bersama-sama menghayati tujuan Ramadhan dan Syawal. Tuan Speaker, soalan yang dikemukakan mengenai Kumpulan Wang Pembangunan Kerajaan Negeri, saya selesai meneliti Penyataan 2007 yang berakhir pada 31 Disember 2007, terdapat defisit sebanyak RM59,138,738.75 juta. Yang Berhormat ingin mengetahui adakah defisit ini memberi kesan negatif kepada perbelanjaan Negeri? Bagi makluman Ahli Dewan sekalian, pada tahun 2006 terdapat lebih sebanyak RM167.78 juta yang dibawa ke tahun 2007 yang tidak termasuk dalam kiraan RM59.1 juta yang saya nyatakan tadi. Defisit ini kita selesaikan semasa Dewan yang lepas dengan membuat peruntukan baharu sebanyak RM670 juta. Peruntukan yang baharu ini dalam akaun yang disatukan berjaya menebus defisit yang dilakukan. Walau bagaimanapun, kita juga meneliti penggunaan Wang Kumpulan Pembangunan ini supaya ia dapat digunakan secara berpatutan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya Bukit Antarabangsa.

**Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI :** Kalau kita teliti Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan dan Agensi Negeri Selangor daripada tahun 2006 sehingga 2007 kita akan mendapati bahawa perbelanjaan luar jangka dalam tempoh tersebut dalam tahun 2006 dan 2007 meningkat dengan agak ketara iaitu berjumlah 229.9 %. Maka soalan tambahan saya, kalau diambil kira suasana krisis ekonomi hari ini, apakah langkah atau pun persiapan Kerajaan Negeri yang baru supaya perbelanjaan luar jangka ini dapat kita tangani dengan baik dan tidak akan mengulangi kesilapan yang telah dilakukan dalam pentadbiran yang lalu. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Antarabangsa. Saya hendak membacakan belanjawan bagi tahun 2009 yang mengambil kira andaian-andaian kumpulan wang yang dikutip dan yang hendak dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kedua, kita juga mendapati ada 2 atau 3 perkara penting yang menyebabkan kenaikan perbelanjaan. Salah satunya, yang jelas kenaikan gaji yang begitu besar dua kali yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan, dan kerajaan negeri dikehendaki mengikut kenaikan gaji tersebut. Yang kedua, saya

berpendapat kita sedia melihat rancangan-rancangan pembangunan yang agak lembap dilakukan pada tahun 2006, dipercepat pada 2007 dan saya sekarang ingin memantau tentang penggunaan perbelanjaan. Ada dua jenis perbelanjaan, iaitu satu yang dipanggil perbelanjaan pembangunan, dan kedua dipanggil perbelanjaan pengurusan iaitu membayar gaji dan emolomen. Dan kita ada usaha pemantauan supaya kita tidak lari daripada angka-angka yang kita andaikan. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan kepada Ahli-Ahli Yang, iaitu kita sekarang berada dalam suatu keadaan kewangan dunia yang tidak menentu. Oleh sebab itu perlulah kerajaan negeri berjaga-jaga daripada segi penggunaan kewangannya supaya kita tidak terjerumus dalam keadaan yang negeri tidak mempunyai jumlah wang untuk meneruskan pengurusan negeri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih Speaker, Soalan No. 2.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI  
(BATU CAVES)**

**TAJUK : KONTRAK-KONTRAK KERAJAAN TEMPATAN**

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Berapakah nilai kontrak-kontrak kerajaan tempatan yang telah dikenal pasti berat sebelah dan merugikan kerajaan?
  - b) Apakah mekanisme yang akan digunakan oleh kerajaan untuk memastikan tidak berlaku lagi kes pemberian kontrak berat sebelah?

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW :** Terima kasih. Tuan Speaker, Y.B. Batu Caves ingin nak tahu berapakah nilai kontrak-kontrak kerajaan tempatan yang telah dikenal pasti berat sebelah dan merugikan kerajaan?.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum dapat mengenal pasti nilai kontrak-kontrak yang telah diberikan kepada kontraktor yang telah menjalankan kerja di setiap Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor yang berat sebelah dan merugikan Kerajaan. Perkara ini memerlukan kajian yang lebih terperinci dilakukan oleh semua PBT. Kaedah pemberian kontrak dilakukan mengikut peraturan-peraturan kewangan kerajaan yang berkuat kuasa dan mekanisme perolehan yang dipraktikkan adalah melalui tender, sebut harga dan rundingan terus.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mengarahkan semua PBT untuk mengkaji semula kontrak-kontrak yang dikeluarkan bagi memastikan semua terma dan syarat yang termaktub di dalam kontrak dipatuhi sepenuhnya. Mana-mana kontraktor yang gagal mematuhi syarat kontrak dan tidak melaksanakan kerja dengan sempurna berdasarkan kepada peruntukan perundangan semasa tindakan akan diambil ke atas mereka.

Yang Berhormat Batu Caves juga ingin nak tanya apakah mekanisme yang akan digunakan oleh kerajaan untuk memastikan tidak berlakunya lagi kes pemberian kontrak berat sebelah, Kerajaan Pakatan Rakyat telah menetapkan dasar pemberian semua kontrak hendaklah dijalankan melalui tender dan sebut harga secara terbuka. Melalui mekanisme ini, Kerajaan Negeri yakin semua kontrak dapat dibuat secara adil dan telus. Walau bagaimanapun, saya juga menyeru semua Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat boleh meninjau atau pun *study* dengan izin pada Laporan Audit 2006. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Terima kasih Tuan Speaker. Bangi ingin mengetahui sejauh manakah dibuat *review* kontrak dengan Alam Flora yang memonopoli dari segi mengangkat sampah dan sebagainya dan juga masalah *parking* di bandar-bandar di bawah Majlis Kerajaan Tempatan yang hanya diberi kepada dua syarikat sahaja di antaranya Suasa dan satu lagi yang faedah yang didapati oleh kerajaan tempatan tidak sampai 10% pun. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW** : Terima kasih. Mengenai kontrak ataupun perjanjian dengan Alam Flora ini memang merupakan satu kontrak yang telah diberikan pada masa yang lampau, dan Kerajaan Pakatan Rakyat memang sedar kontrak ini ada berat sebelah pada pendapat kitalah, tetapi kerana kontrak masih dijalankan dan kita tidak dapat membatalkan kontrak itu. Tetapi, bagaimanapun, kita sedang dan kita telah bermula meninjau bagaimana kita boleh mengadakan perubahan supaya kerajaan negeri tidak mengalami kerugian yang lebih besar.

Bagi kontrak untuk letak kereta keadaan sama juga. Kontrak ini telah diberikan pada masa yang lampau dan kontraknya masa bagi tempoh panjang dan kita telah pun bermula dengan peninjauan dan ingin nak tahu macam mana kita boleh membawa perubahan atau menjadikan sistem itu bertambah baik dan saya sendiri telah mengadakan beberapa rundingan dengan kedua-dua syarikat itu dan kita sedang bekerjasama dan akan mencari satu sistem letak kereta atau *parking* dengan izin yang lebih baik dan lebih berkesan supaya tidak lagi merugikan kerajaan dan rakyat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker, soalan No. 3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : SELANGOR FRUITS VALLEY (LEMBAH BUAH- BUAHAN SELANGOR)**

3. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar ;

- a) Sila perelaskan dengan terperinci apakah objektif utama projek Selangor *Fruits Valley* diwujudkan ?
- b) Apakah perkembangan terkini dan kemajuan yang dicapai oleh projek tersebut ?

- c) Sila kemukakan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada projek tersebut dan bagaimanakah prestasi kewangan sejak ia diwujudkan sehingga kini ?

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Menjawab soalan Sekinchan mengenai *Fruit Valley Selangor* atau Lembah Buah-buahan Selangor. Objektif utama Selangor *Fruits Valley* atau Lembah Buah-buahan Selangor diwujudkan adalah seperti berikut : pertama, membantu meningkatkan pengeluaran makanan khususnya buah-buahan tempatan dan mengurangkan import buah-buahan dari luar negara. Yang kedua, menjadikan sebuah ladang nukleus yang dapat memenuhi pengiktirafan seperti SLAM dan *Global GAP* bagi membolehkan buah-buahan di ladang ini boleh dieksport. Jumlah buah-buahan ini pada tahun 2008 sehingga Ogos berjumlah 1.123 juta dan 1 juta daripadanya merupakan jualan eksport Belimbing ke Eropah.

Yang kedua, Selangor *Fruit Valley* telah mula dibangunkan secara berfasa pada tahun 2003. Sehingga tahun 2008, seluas 352 hentar jumlah keluasan - 533 hektar telah siap dibangunkan dengan tanaman buah-buahan seperti belimbing, nangka, betik dan lain-lain lagi. Seluas 40 hektar lagi telah dibangunkan dengan tasik, gazebo dan pusat pengumpulan.

Kini purata pengeluaran hasil adalah 10 tan metrik sebulan dan dipasarkan ke luar negara dan juga tempatan. Jumlah jualan buah-buahan bagi tahun 2008 sehingga bulan Ogos berjumlah 1.286 juta dengan 1 juta, iaitu 78% daripadanya merupakan jumlah eksport Belimbing ke Eropah. Ladang ini juga telah berjaya mendapat pengiktirafan dalam dan luar negara iaitu SALAM dan *Global GAP*. Penambahbaikan ke atas ladang ini juga sedang dilaksanakan iaitu dengan membina rumah pembungkusan sementara dan pengedaran bagi memastikan ladang ini dapat mengeluarkan produk yang berkualiti.

Seterusnya untuk soalan yang ketiga, tiada peruntukan daripada Kerajaan Negeri disalurkan kepada projek Selangor *Fruit Valley* di mana projek ini sepenuhnya dikendalikan oleh PKPS. Bagi tahun 2008 sehingga bulan Ogos, ladang ini telah memperoleh pendapatan berjumlah 1.28 juta dan dijangka akan menjana keuntungan dalam tahun 2010.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ya Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Soalan tambahan. Adakah kerajaan bercadang membangunkan kawasan *Selangor Fruit Valley* ini selain daripada pertanian menjadikan satu konsep baru iaitu agro pelancongan di samping kita menjayakan program tanaman dalam masa yang sama kita kalau boleh dirikan chalet-chalet dan sebagainya untuk tujuan pelancongan. Adakah kerajaan bercadang untuk mendirikan lembah buah-buahan seperti ini di kawasan-kawasan yang lain di negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Terima kasih Sekichan. Selangor *Fruits Valley* telah dibagi kepada dua. Sebahagian untuk pengeluaran dan sebahagian lagi ialah untuk *agro tourism*. Dan kawasan *agro tourism* telah hampir siap dibangunkan dan juga dibuka untuk projek *agro tourism*. Program penambah baik telah pun dilaksanakan. Setakat ini *fruit valley* hanya satu dan belum ada rancangan lain untuk dibina di tempat lain. Kalau rasa Sekinchan nak buat kita alu-alukan.

**TUAN SPEAKER** : Morib.

**Y.B. TUAN HASIMAN BIN SIDOM** : Soalan tambahan Tuan Speaker. Bukankah *Selangor Fruits Valley* merupakan satu projek daripada Kerajaan Barisan Nasional yang diperakui oleh Kerajaan Pakatan Rakyat ini yang mendatangkan faedah yang baik kepada ekonomi khususnya kepada Negeri Selangor ini.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAFARI** : Setelah mengambil alih kerajaan saya dapati sebelum itu, Selangor *Fruits Valley* tidak diberi perhatian. Ketika saya membuat lawatan ke tempat tersebut contohnya perunding telah dibuat dan hasil tidak diurus dengan baik dan setelah kita mengambil alih, kita telah tambah baik projek tersebut dan tentulah hasil eksport meningkat.

**TUAN SPEAKER** : Paya Jaras.

**Y.B. DATO' IR MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR** : Tuan Speaker, soalan No. 4.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK : PENGELUARAN SURATAN HAKMILIK KEPADA MEREKA YANG TELAH  
MEMBUAT BAYARAN HASIL TANAH MELALUI BORANG 5A KANUN  
TANAH NEGARA**

4. Sebilangan besar penduduk yang diberikan Borang 5A Kanun Tanah Negara telah membuat bayaran hasil tanah mengikut jumlah dan dalam jangka masa yang ditetapkan. Dalam sesetengah kes, walaupun bayaran telah dibuat lebih setahun lamanya, surat hak milik berkenaan masih belum dikeluarkan kepada mereka.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah yang menyebabkan kelewatan ini berlaku?
- b) Bilakah surat hak milik tersebut dijangka dapat dikeluarkan kepada mereka yang terlibat?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Dato' dari Paya Jaras. Soalan beliau mengenai pengeluaran surat hak milik kepada mereka yang kena bayar hasil tanah melalui borang 5A Kanun Tanah Negara. Berasaskan piagam semasa, urusan pengeluaran hak milik mengambil masa 3 bulan daripada tarikh bayaran dituntut melalui Notis 5A dijelaskan. Piagam ini melibatkan kes-kes pemberimilikan yang lengkap.

Terdapat kes mengenai surat hak milik yang tidak dapat didaftarkan disebabkan oleh masalah-masalah yang berikut:

- i. Tiada akaun oleh Penolong Pegawai Tanah.
- ii. Borang 'Jadual 1' tidak dilengkapi.
- iii. Kedudukan lot berlainan daripada perkara yang dinyatakan dalam pelan yang diluluskan.

Secara dasar tempoh pemprosesan ialah 3 bulan. Walau bagaimanapun, bagi kes-kes tertentu saya mohon Yang Berhormat kemukakan maklumat supaya kita sama-sama selesaikan sebab usaha ini bukan lagi keputusan tetapi usaha untuk proses. Jadi, kita berharap kita dapat memberikan tugas kepada pegawai-pegawai kita untuk terus memproses dan tidak perlu lagi ada keputusan-keputusan lain.

**Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR** : Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Paya Jaras.

**Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR** : Ada beberapa kes di mana pemohon tanah telah membayar premium termasuk bayaran sukatnya sekali. Tetapi geran tidak boleh diproses oleh kerana pihak juruukur yang ditauliahkan peringkat Kerajaan Negeri tidak pernah pun membuat sukatan. Berapa lamakah perkara ini boleh diselesaikan. Ini telah terjadi pada tahun 2005 dan 2006 di kawasan saya, contohnya. Sekian, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Yang Berhormat ada menerangkan keadaan yang berlaku sebelum Pakatan Rakyat. Tetapi, walau bagaimanapun, kita menerima perkara ini dan saya juga ada mengarahkan jika terdapat kelewatan kita boleh menggunakan Juruukur Profesional supaya dapat membuat ukuran yang tepat dan terus tidak perlu lagi ada lobi-melobi kepada EXCO ataupun Kerajaan Negeri untuk kelulusan, sebab 5A tu sudah lulus, hanya menunggu prosesnya. Jadi saya berharap Yang Berhormat kalau ada perkara itu berlaku dan terus minta cara yang lebih cepat untuk dilakukan, supaya kita tidak perlukan Kerja-Kertas Kerja, keputusan ini sudah dibuat tinggal hanya proses. Walau bagaimanapun, kita mesti meneliti jika terdapat pertindihan pemilikan Kerajaan Negeri mahu bertanggungjawab, maknanya Kerajaan Negeri terpaksa mengganti kalau terdapat pertindihan pemilikan. Hal ini sangat penting. Itulah sebabnya kita minta Pejabat Daerah berhati-hati dalam hal menguruskan perkara seumpama. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN** : Soalan Tambahan Tuan Speaker....

**TUAN SPEAKER** : Permatang, Permatang.

**Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK** : Terima kasih Tuan Speaker.  
Soalan no. 5

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABUL RAZAK  
(PERTAMATANG)**

**TAJUK : PERLANTIKAN AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN  
NEGERI SELANGOR**

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Senaraikan jumlah Ahli-ahli Majlis yang dilantik berasaskan komposisi kaum untuk setiap Pihak Berkuasa Tempatan?
  - b) Apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap Ahli-ahli Majlis yang mempunyai rekod jenayah dan kesalahan?
  - c) Senaraikan jumlah peruntukan khas untuk setiap Ahli Majlis di setiap PBT bagi menjalankan aktiviti setiap Ahli Majlis berkenaan?

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW** : Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Permatang. Soalan mengenai pemilihan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan. Yang Berhormat Permatang ingin nak tahu komposisi kaum untuk setiap PBT dan Yang Berhormat juga ingin tahu apakah tindakan Kerajaan Negeri Selangor sekiranya ada Ahli-ahli Majlis yang dilantik didapati mempunyai rekod jenayah dan Yang Berhormat juga ingin nak tahu jumlah peruntukan khas untuk setiap Ahli Majlis di setiap PBT bagi menjalankan aktiviti setiap Ahli Majlis berkenaan. Sebenarnya Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil langkah yang teliti iaitu kita sebelum pelantikan kita telah menghantar senarai semua Ahli Majlis ke 3 pihak iaitu pihak Polis, pihak Bank Negara dan juga pihak ACA ataupun BPR supaya kita memastikan semua Ahli-ahli Majlis yang kita lantik itu adalah bersih dan tidak ada rasuah dan tidak ada rekod jenayah.

Balik kepada komposisi kaum, saya ingin membacalah:

AHLI MAJLIS	BANGSA				JUMLAH
	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	
MBSA	17	4	3	0	24
MBPJ	11	8	6	0	25
MPK	11	8	6	0	25
MPAJ	16	6	2	0	24
MPSJ	9	11	5	0	25
MPS	16	6	3	0	25
MPKj	13	7	5	0	25
MPSp	13	7	4	0	24
MDKS	14	6	5	0	25

MDHS	13	5	6	0	24
MDKL	12	7	5	0	24
MDSB	14	9	2	0	25
JUMLAH	159	84	52	0	295
PERATUSAN (%)	53.9	28.5	17.6	0.0	100

Sekiranya Ahli-ahli Majlis yang dilantik didapati mempunyai rekod jenayah, Kerajaan Negeri akan mendapatkan pengesahan terperinci terlebih dahulu daripada pihak polis dan mengambil tindakan dengan menamatkan pelantikan Ahli-ahli Majlis berkenaan serta-merta.

Tahun ini juga kita telah bermula dengan sistem zon dan untuk menjadikan Ahli Majlis lebih berkesan kita bagi peruntukan tahunan seperti berikut:

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	JUMLAH PERUNTUKAN (SETAHUN) (RM)	JUMLAH AHLI MAJLIS	JUMLAH KESELURUHANNYA (RM)
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	40,000.00	24	960,000.00
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	100,000.00	25	2,500,000.00
3.	Majlis Perbandaran Klang	20,000.00	25	500,000.00
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	50,000.00	24	1,200,000.00
5.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	100,000.00	25	2,500,000.00
6.	Majlis Perbandaran Selayang	20,000.00	25	500,000.00
7.	Majlis Perbandaran Kajang	10,000.00	25	250,000.00
8.	Majlis Perbandaran Sepang	15,000.00	24	360,000.00
9.	Majlis Daerah Kuala Selangor	10,000.00	25	250,000.00
10.	Majlis Daerah Hulu Selangor	10,000.00	24	240,000.00
11.	Majlis Daerah Kuala Langat	10,000.00	24	240,000.00
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam	Tiada	25	Tiada
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>385,000.00</b>	<b>295</b>	<b>9,500,000.00</b>

Bagi Majlis Sabak Bernam kita masih belum dapat memberi apa-apa peruntukan kerana MDSB memberi laporan bahawa mereka kekurangan dana. Walau bagaimanapun, Negeri Selangor telah dan akan mengambil langkah untuk memberi bantuan kepada MD

Sabak Bernam supaya sekurang-kurangnya pada tahun depan mereka akan dapat sumbangan sekurang-kurangnya 10,000.00 juga.

Mengapa peruntukan tahunan untuk semua PBT berlainan? Ini adalah kerana kedudukan kewangan masing-masing tidak sama, ada yang lebih kuat, ada yang agak lemah, jadi kita berilah *liberty* atau kebebasan mereka, memberi peruntukan kepada setiap Ahli Majlis mengikut *strength* ataupun kekuatan kewangan mereka dan kita harapkan kalaulah PBT dapat berkesan dapat menjimatkan kos dan juga mengelakkan semua rasuah dan penyalahgunaan dana jadi kita harapkan kita boleh beri lagi, kita boleh menambah lagi peruntukan, dan sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Pelek,

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, berapakah orang Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang yang merupakan orang tempatan dan berapakah orang Ahli Majlis Daerah Sepang itu merupakan orang luar. Adakah ini akan menjejaskan tugas seorang Ahli Majlis semasa berlakunya sesuatu sebagai contoh banjir. Sebab saya difahamkan terdiri daripada agak ramai juga Ahli Majlis yang bukan duduk di daerah Sepang menjadi Ahli Majlis Perbandaran Sepang. Jadi ada tak ini menjejaskan atau sebagainya sebagai seorang Ahli Majlis, sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHEW** : Terima kasih. Memangnya polisi PBT ataupun Kerajaan Negeri, kita cuba sedaya upaya memastikan kebanyakan ataupun majoriti Ahli Majlis pada kawasan Sepang dan juga PBT yang lain adalah terdiri daripada orang tempatan, dan tetapi oleh kerana pada tahun ini pada kali pertama kita bagi peluang untuk NGO untuk menghantar wakil-wakil mereka dan kerana itu kita juga bagi peluang bagi wakil NGO yang bukan orang tempatan. Tetapi komposisinya ataupun peratusannya sangat kecil. Jadi pada keseluruhannya baik pun di Sepang ataupun PBT yang lain peratusan Ahli Majlis yang bukan orang tempatan adalah amatlah kecil. Dengan cara ini kita dapat bersama-sama meningkatkan mutu perkhidmatan di semua PBT kerana kita mendapati ada Ahli Majlis yang diwakili daripada NGO itu mereka ada kepakaran yang tertentu yang dapat membawa faedah ataupun kebaikan kepada PBT khususnya PBT yang di tempat, di Sepang yang bukan di bandar. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Terima kasih Tuan Speaker dan penjelasan daripada Pandamaran. Sebagai soalan tambahan, saya hendak bertanyalah mengenai iaitu tindakan kepada Ahli Majlis. Saya nak bertanya bahawa dalam sidang yang lepas Kerajaan Pakatan Rakyat mewar-warkan bahawa yang akan dipilih akan melepasi tahap-tahap saringan keselamatan dan sebagainya. Kerana saya ada satu bukti di Majlis Daerah Kuala Selangor seorang Ahli Majlis yang dilantik oleh Pakatan Rakyat mempunyai rekod-rekod jenayah, pernah ditahan di bawah Akta-Akta Keselamatan Pencegahan Khas 2003, 2005 dan juga pernah ditahan kerana kes-kes samun maka Ahli Majlis masih menjalankan peranan sehingga hari ini. Saya nak bertanya kepada Pandamaran, apakah benar-benar saringan ini dibuat dan yang kedua sekiranya kalau inilah penampilan yang dibawa ditunjuk kepada rakyat sebagai Ahli-ahli Majlis yang tidak mempunyai budi pekerti tidak mempunyai rekod yang baik, pada saya

ia tidak akan dapat memberikan peranan yang baik kepada masyarakat. Yang kedua imej yang ada kepada Ahli Majlis tersebut maka itu saya melihat maka berlakulah beberapa insiden seperti tampar menampar, ugut mengugut dan sebagainya. Maka saya nak minta kepada Y.B. apa tindakan yang akan diberi kepada Ahli Majlis berkenaan dan yang kedua Tuan Speaker, saya nak bertanya juga mengenai usaha-usaha terancang yang dibuat oleh Ahli-Ahli Majlis untuk mengadakan undi tidak percaya kepada Yang Dipertua-Yang Dipertua Majlis dan juga Datuk-Datuk Bandar untuk dibuat pertukaran dan sebagainya. Kami ada maklumat mengenai perkembangan ini. Saya mohon penjelasan.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW :** Terima kasih. Sebenarnya apa yang dikatakan tadi oleh Y.B. tidak berasas, kita telah membuat siasatan, yang dikatakan ada Ahli Majlis yang ada rekod jenayah tetapi apabila kita buat siasatan kita dapati apa yang dikatakan itu tidak berasas sebab itu kita membenarkan Ahli Majlis yang kita lantik itu meneruskan tugas dan kita telah menghantar semua senarai ke Polis dan kita masih menunggu sampai hari ini kita belum dapat apa-apa "*feedback*" dengan izin daripada Polis yang katakan ada di kalangan Ahli Majlis kita ada rekod jenayah. Jadi selagi kita tidak dapat rekod daripada Polis kita anggaplah apa yang dikatakan oleh Y.B. itu adalah satu tuduhan sahaja. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sijangkang

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, Soalan No. 6.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(SIJANGKANG)**

**TAJUK : PROGRAM KERAJAAN PRIHATIN**

6. Program Kerajaan Prihatin (pemberian 5 kg beras, 1 kg gula dan 1 tin susu).

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Bagaimana kejayaan program ini untuk jangka masa pendek. Adakah pemberian menepati kepada semua penerima (pendapatan isi rumah kurang RM 1500) seperti yang diputuskan.
- b) Apakah perancangan jangka masa panjang kerajaan di bawah program kerajaan prihatin bagi membantu rakyat miskin.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR :** Terima kasih kepada Sijangkang untuk soalan dalam program Kerajaan Prihatin. Program sumbangan beras, gula dan susu adalah bersempena Sambutan 100 Hari Pemerintahan Kerajaan Baru Negeri Selangor. Program ini juga diadakan kerana kenaikan harga beras yang mendadak bermula pada awal tahun 2008 dan bertujuan untuk meringankan beban rakyat miskin yang berpendapatan rendah berhadapan dengan kenaikan harga barangan. Pengagihan sumbangan tersebut dilaksanakan oleh ADUN kawasan masing-masing yang telah pun dimaklumkan mengenai syarat-syarat penerima sumbangan tersebut iaitu golongan miskin dan berpendapatan kurang dari RM1,500 seisi rumah.

Dalam jangka panjang untuk program ini. Di Bawah Program Kerajaan Prihatin, antara program yang dirancang bagi membantu rakyat miskin adalah seperti berikut:

- i. Meneruskan program bantuan bina baru dan baik pulih rumah;
- ii. Bantuan pembiayaan bayaran sewa rumah;
- iii. Tabung pembiayaan kesihatan untuk rakyat miskin; dan
- iv. Tabung modal perniagaan.

Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker, dalam kita menjayakan Program Kerajaan Prihatin, seperti sumbangan pembiayaan beras, gula dan susu bertujuan untuk meringankan bebanan sara hidup yang dihadapi oleh rakyat khususnya golongan yang berpendapatan rendah dan warga emas tetapi saya nampak program ini tujuan dan asasnya memang baik tetapi saya nampak cara pembahagian dan rancangan yang dilancarkan itu tidak begitu tersusun. Dan saya minta seperti dalam pembahagian beras, ADUN-ADUN dipaksa hantar orang pergi ke kilang beras untuk turut mengambil beras, Jadi saya nampak kalau cara seperti ini kurang sesuai dan saya minta pada masa hadapan ada persediaan yang lebih awal, persediaan yang lebih rapi agar semua program dapat dijalankan dengan lancar. Saya memahami...

**TUAN SPEAKER** : Soalannya....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Soalan saya adakah perancangan seperti ini akan diaturkan dengan baik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR** : Terima kasih Tuan Speaker, memang kita menghadapi masalah sedikit dengan pemberian beras, masalahnya ialah *factory, factory* yang mengeluarkan beras, dia kata boleh bagi kita bila kita nak keseluruhan beg-beg beras itu tidak boleh bagi kita dalam satu *consignment* dia punya pengeluaran dia ialah tiap-tiap minggu dia ada anggaran dia yang boleh dikeluarkan sahaja. Sebab itu kita tiap-tiap minggu kena hantar wakil-wakil dari ADUN-ADUN untuk faktor-faktor mengalih mengambil bukan sahaja mengambil tetapi kita telah hantar lori-lori dari PBT kita sendiri untuk bawa beras-beras ini ke pejabat tiap-tiap ADUN di kawasan. Apa yang diminta oleh kita ialah untuk hantar orang-orang yang kuat untuk membuat kerja sikit, itu sahaja. Y.B. saya ambil perhatian, dalam isu ini dan dalam program yang kita akan lanjutkan selepas ini kita akan aturkan dan membahagi peluang untuk ADUN-ADUN mengambil bahagian di dalam program ini.

**TUAN SPEAKER** : Ya Sijangkang.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Saya nak bertanya sama ada data, dengan izin *database* selepas Program Kerajaan Prihatin ini supaya kita dapat memanfaatkan program-program kita yang akan datang.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR** : Memang kita suruh semua ADUN mengadakan nama-nama penerima yang telah menerima sumbangan ini dari Kerajaan Pakatan Rakyat. Kalau tiap-tiap ADUN mengadakan senarai-senarai itu, itu boleh jadi satu asas di mana kita boleh kumpul nama-nama penerima dia tiap-tiap DUN di seluruh negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER** : Bangi.

**Y.B. TUAN SAFIE BIN ABU BAKAR** : Terima kasih Tuan Speaker, Bangi mengemukakan soalan No. 7

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : SELANGOR SEBAGAI HUB PENDIDIKAN**

7. Selangor berhasrat menjadi 'hub' pendidikan dirantau ini.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sejauh manakah persediaan yang ada di negeri Selangor bagi mencapai tujuan ini ?
- b) Berapakah jumlah pelajar luar negara terkini yang menyambung pengajian di institusi- institusi pengajian milik kerajaan negeri?
- c) Adakah perancangan bagi menambahkan institusi pendidikan di Negeri Selangor.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT ALI** : *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Selamat Sejahtera. Bangi telah mengemukakan soalan, sejauh mana persediaan yang ada di negeri Selangor bagi mencapai tujuan menjadikan Selangor sebagai 'hub' pendidikan di rantau ini. Pertamanya merujuk kepada Kamus Dewan perkataan 'hub' adalah bermaksud pusat dan merujuk kepada soalan yang dikemukakan bahawa Selangor sebagai hub pendidikan yang dapat didefinisikan sebagai Pusat Pendidikan. Kerajaan Negeri Selangor lebih fokus kepada langkah-langkah untuk memperkasakan negeri Selangor sebagai Hub Pendidikan. Langkah pertama yang perlu diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor ialah untuk menjadikan Selangor ini menjadi hub ilmuian terlebih dahulu. Negeri Selangor kini telah memiliki institusi Pendidikan yang tersendiri, lengkap dari setiap peringkat iaitu Peringkat Pra Sekolah hingga Institusi Pengajian Tinggi. Untuk tujuan itu, beberapa langkah pengukuhan telah dirangka di setiap peringkat pendidikan untuk mencapai tujuan tersebut.

Pelbagai perancangan telah dilaksanakan bagi memperkasakan Selangor sebagai Hub Pendidikan antaranya ialah projek program jejak ilmuian. Di mana kita ingin menjadikan pertama seperti yang saya sebutkan tadi Selangor menjadi Hub Ilmuian di mana ilmuian-ilmuian yang pakar-pakar yang canggih-canggih yang unggul adalah berada di Selangor ini. Program yang *multi-prong* dengan izin Tuan Speaker, jejak ilmuian-ilmuian yang

sudah pun wujud di Negeri Selangor dan dengan memperkasakan mereka, menggalakkan budaya "*life long learning*" dengan izin ataupun pembelajaran sepanjang hayat dan mempergiatkan lagi penyelidikan yang lebih terfokus untuk menyelesaikan masalah semasa di negeri Selangor, Malaysia amnya bahkan di dunia dengan izin '*global warming*". Penyelidikan untuk memastikan pembangunan yang mampan di negeri Selangor ini dengan mengambil kira keperluan kepentingan generasi akan datang. Program ini khusus untuk mewujudkan hubungan yang akrab di antara masyarakat dan para ilmuan dan pada masa yang sama, para ilmuan ini akan berkongsi ilmu dengan pelbagai lapisan masyarakat, pelbagai kaum, pelbagai agama. Program ini juga akan mempromosikan ilmuan untuk lebih dikenali dan didekati oleh masyarakat supaya mereka boleh menjadikan ikon ikutan pelajar-pelajar. Kerajaan negeri juga akan melaksanakan program-program Tunas Ilmuan iaitu bakal-bakal Ilmuan di mana pelajar-pelajar peringkat sekolah yang terpilih akan diberi latihan dan dibentuk untuk menjadi ilmuan muda dan seterusnya akan menjadi ilmuan masa akan datang. Langkah ini adalah dengan tujuan untuk melahirkan lebih banyak lagi ilmuan di negeri Selangor ini. Yang akan insya-Allah menjadi pakar rujuk mungkin untuk Malaysia bahkan juga untuk dunia Insya-Allah. Penjenamaan semula Perpustakaan Awam Negeri Selangor atau *rebranding* dengan izin di peringkat negeri dan daerah agar lebih mesra pengguna dan dapat memainkan peranannya sebagai agensi utama untuk membudayakan Budaya Ilmu di kalangan penduduk negeri Selangor. Memastikan semua tenaga pendidik, kakitangan-kakitangan yang terlibat di dalam Institusi-institusi pendidikan milik kerajaan negeri diterapkan dengan elemen teras SPIES iaitu Modal Permodalan Pembangunan Insan Negeri Selangor membantu kerajaan negeri untuk mencapai matlamat iaitu memperkasakan Selangor sebagai Hub Pendidikan. Kerajaan Negeri mempunyai modal tersendiri seperti saya sebutkan tadi SPIES dalam membangunkan rakyat negeri agar lebih seimbang dan produktif. SPIES merupakan *agro name* kepada modal, modal yang saya sebutkan S - maksudnya pembangunan Spiritual, yang relevan kepada semua bangsa, agama dan kaum. P- kekuatan dari aspek kesihatan dan kecerdasan fizikal, I – pembangunan Intelektual iaitu dengan penekanan terhadap kemahiran 5 M, selain dari 3M, M yang kita lazim dengarkan, membaca, menulis dan mengira, Kerajaan Negeri Selangor mengenalkan tambahan 2 kemahiran untuk diterapkan di seluruh rakyat negeri Selangor ini iaitu tambahan memikir dan mengamalkan. Bukan sahaja kita tahu menulis, mengira dan membaca tetapi kita harus memikir apa yang kita baca, apa yang kita tulis dan apa yang kita kira. Supaya bukan sahaja kita mendengar apa-apa sahaja berita tetapi kita mampu mengkaji sama ada ianya sah, sama ada ianya benar, ataupun hanya propaganda dan begitu juga dengan ilmu-ilmu secara profesional kita mengajarkan rakyat di negeri Selangor ini supaya membudayakan, memikir proses memikir ini.

Kelima ialah mengamal. Kita tahu masalah-masalah yang kita hadapi khususnya di negeri Selangor selama ini ialah bukan kerana rakyat ini, pemimpin ini tidak tahu apa baik apa yang tidak baik tetapi mereka tidak mengamalkan ilmu mereka. Mereka tidak mengamalkan menahan diri mereka melakukan perkara yang tidak baik dan tidak mengamalkan seperti selalu disebut oleh Y.A.B. Menteri Besar Pulau Pinang amal makruf nahi mungkar. Mereka tahu apa yang baik tidak mahu melakukannya. Mereka tahu apa yang mungkar tetapi mereka tidak menegah diri mereka bahkan *subordinate* mereka dengan izin bahkan masyarakat mereka orang-orang kampung mereka daripada melakukannya. Jadi kita ingin memperkenalkan kemahiran mengamalkan ilmu di negeri Selangor ini iaitu dalam I.

Fokus dalam projek-projek ini adalah dari aspek di antaranya dengan izin “*critical thinking*” “*analytical thinking*” dan “*creative thinking*” rakyat negeri Selangor akan dilatih dengan asas pemikiran yang tajam dan kritikal agar lebih berdaya saing dan maju ke hadapan. Seterusnya E – yang bermaksud pembangunan Emosi iaitu kemahiran mengawal emosi agar jenayah yang berlaku berasaskan kegagalan mengawal emosi seperti kes Altantuya dan kes Nurin Jazlin tidak berlaku lagi dan akhirnya S – Pembangunan Sosial iaitu ke arah melahirkan masyarakat yang lebih prihatin dan tinggi sifat kepedulian terhadap keadaan sekeliling di mana dengan kemahiran ini, akan lahir ramai sukarelawan yang sanggup membantu sesiapa sahaja tanpa memerlukan apa – apa imbuhan ataupun bayaran. Penekanan pembangunan sosial juga boleh memupuk kesefahaman saling hormat menghormati di dalam dan di antara kaum. Inilah konsep perpaduan yang sebenar-benarnya yang kita akan pastikan berlaku di negeri Selangor ini.

Soalan (b), jumlah pelajar luar negara terkini yang menyambung pengajian di institusi-institusi pengajian milik kerajaan negeri Selangor mengikut Universiti adalah seperti berikut: UNISEL bagi 2008, Algeria seorang, Bangladesh seorang, Brunei 2, China 1, Ariteria 2, Ethopia 1, India 2, Indonesia 30, Iran 4, Iraq 1, Jordan 1, Kenya 3, Maldives 1, Negeria 5, Pakistan 1, Palestin1, Arab Saudi 2, Singapura 1, Somalia 38, Sri Lanka 5, Sudan 73, dan insya-Allah tahun depan mungkin Sudan akan menghantar 200 pelajarnya ke UNISEL. Insya-Allah. Syria 1, Thailand 1, Uganda 1, Vietnam 12, Yaman 41. Jumlah keseluruhan pelajar luar Negara di UNISEL ialah 232 untuk tahun 2008. Bagi KUIS pula, Brunei 1, Chad 8, China 3, Filipina 1, Indonesia 13, Kemboja 10, Nigeria 37, Singapura 70, Thailand 23, Zambia 1. Keseluruhan 167. Universiti Industri Selangor (Unisel) pada tahun 2008 seperti yang saya katakan tadi ialah 232 dan INPENS *International College* tidak mempunyai pelajar dari luar negara setakat ini. Oleh itu Institut pengajian milik kerajaan Negeri Selangor mempunyai seramai 399 orang pelajar luar negara setakat ini.

(c) kategori Sekolah-sekolah Kerajaan Negeri. Pertamanya, persoalan adakah perancangan bagi menambahkan institusi pendidikan di Negeri Selangor. Membina dan menaik taraf bangunan Sekolah Rendah Kerajaan Negeri secara berperingkat. Berikut adalah senarai-senarai sekolah yang akan beroperasi di bangunan baru pada tahun 2009 antaranya: SRA Perepat, Klang, SRA Seksyen 16 Shah Alam, SRA Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung Hulu Selangor, SRA Bukit Sentosa Hulu Selangor, SRA Lembah Subang, Petaling dan SRA Sg. Tenggi.

Kedua, Sekolah-sekolah Kerajaan Negeri yang akan beroperasi di bangunan baru menjelang 2010, di antaranya ialah Maahad Tahfiz Integrasi Istana Bandar, Kuala Langat, SRA Bandar Tun Hussein Onn, Hulu Langat, SRA Cheras Utama Hulu Langat dan SRA Sg. Kantan, Hulu Langat.

Ketiga, membuka Sekolah Rendah Agama Integrasi ( SRAI ) kedua di Shah Alam yang akan beroperasi di Seksyen 7 Shah Alam dengan menambah pengambilan pelajar kepada 200 pelajar pada sesi 2009. Insya-Allah.

Keempat, membuka Ma’ahad Integrasi Sains dan Teknologi kedua mulai tahun 2009 dengan menggunakan bekas bangunan Sekolah Menengah Agama Tinggi Hishamuddin lama di Jalan Kota Raja, Klang sebagai bangunan sementara sebelum bangunan baru yang lebih sesuai dikenal pasti. Jumlah pengambilan pelajar untuk peringkat awal adalah sebanyak 120 pelajar ( 60 orang pelajar perempuan, 60 orang pelajar lelaki ).

Kategori Institusi Pengajian Tinggi Selangor. Pertama, menaik taraf Kolej Universiti Islam Antarabangsa ( KUIS ) kepada status universiti dengan memperkukuhkan kualiti tenaga akademik dalam pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan melalui program-program seperti Program Profesor Pelawat, pembentangan kertas kerja di persidangan di dalam dan luar Negara serta program “ *Research Fellowship* “ dengan izin.

Kedua, mengantarabangsakan Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Selangor dengan tujuan untuk meningkatkan daya saing IPT Selangor dalam menarik pelajar di peringkat siswazah dan pasca siswazah dalam dan luar Negara, dengan melaksanakan program-program antaranya seperti berikut :

- menganjurkan persidangan dengan izin “ *17th Islamic World Academy Science Conference* “ pada Disember 2009 yang akan dianjurkan oleh Unisel bersama dengan Kerajaan Negeri Selangor.
- Menganjurkan persidangan “ *7th International Conference on Muslim Education* “ pada bulan November 2009, anjuran Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama *The Islamic Academy Cambridge*, UK dan dianjurkan bersama KUIS dan Ikatan Ilmuan.

Dan baru-baru ini juga pada bulan lapan, kita telah membuatkan satu MOU dan telah menandatangani MOU dengan Kazan State University, Republik Kazahstan, Rusia untuk bersama-sama menghantar pelajar-pelajar, tenaga pengajar dan mungkin saling bekerjasama dengan penyelidikan dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Teluk Datuk.

**Y.B. PHILLIP TAN CHOON SWEE** : Tuan Speaker, soalan nombor 8.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PHILLIP TAN CHOON SWEE  
(TELUK DATUK)**

**TAJUK: JENAYAH**

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk pemasangan litar CCTV di kawasan jenayah sering berlaku, apa kesannya?
  - b) Sila senaraikan statistik jenayah sebelum dan selepas pemasangan litar CCTV di kawasan-kawasan tersebut.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW** : Terima kasih, Yang Berhormat dari Teluk Datuk. Yang Berhormat Teluk Datuk ingin nak tahu ....

**TUAN SPEAKER** : Terus kepada jawapan.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW :** OK. Yang Berhormat Teluk Datuk katakan Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk pemasangan kamera litar CCTV di kawasan jenayah sekiranya berlaku. Apa kesannya. Sebenarnya faedah ketara yang diperolehi oleh PBT hasil daripada pemasangan kamera litar CCTV adalah pengurangan kes-kes jenayah yang dilaporkan di dalam kawasan kawalan PBT di samping melengkapkan program-program Local Agenda 21 ataupun LA 21 dan Program Bandar Selamat yang menekankan aspek keselamatan penduduk dan kawasan sekitar.

Selain itu pemasangan CCTV juga, dapat membantu pihak polis dalam mendapatkan imej atau bukti yang lebih jelas kepada sesuatu kes-kes jenayah dan seterusnya komuniti setempat akan berasa lebih selamat di kawasan yang telah dipasang CCTV. Sistem CCTV juga dapat memantau keadaan trafik, mengesan kesalahan orang ramai yang membuang sampah haram, penjaja haram malahan kamera litar CCTV ini dapat mengesan dengan segera jika berlaku kejadian bencana alam seperti banjir.

Pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri ( UPEN ) adalah bertanggungjawab memberikan kepada pihak polis jumlah pemasangan CCTV di Selangor, tempat CCTV tersebut dipasang dan bila tarikh pemasangan bagi memudahkan pihak polis membekalkan statistik jenayah yang berlaku sebelum dan selepas pemasangan CCTV.

Setakat ini pihak polis hanya memperoleh penjumlahan CCTV dari Daerah Subang Jaya sahaja.

Sebanyak 100 CCTV telah dipasang dengan pecahan 90 tetap dan 10 mobile di Subang Jaya. Dibahagi-bahagi kepada empat zon.

1. Subang Jaya
2. Kinrara
3. Puchong
4. Seri Kembangan.

Itu sahaja.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN :** Soalan tambahan Tuan Speaker...

**TUAN SPEAKER :** Kampung Tunku.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN :** Ya, terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat Pandamaran bercadang juga untuk membanteras kegiatan jenayah ini bukan sahaja CCTV tetapi kerajaan menghulurkan kerjasama berbagai-bagai pihak khususnya polis kerana kita lihat contoh kes Altantuya ada CCTV juga tidak guna kerana fokus tak tepat tak boleh nampak imej. Jadi adakah Yang Berhormat bercadang kita memerlukan tenaga yang lebih banyak lagi daripada pihak polis dan juga pihak-pihak yang lain, bukan sahaja CCTV. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW :** Terima kasih. Sebenarnya apa yang berlaku itu bukan Altantuya, itu Nurin kan, apabila imej yang dikatakan tidak tajam. Yang Berhormat dari

Kg Tunku, sebenarnya pada masa yang lampau sebelum pilihan raya yang baru ini, kerajaan yang lama telah mengatakan satu dan ada satu rancangan untuk melantik seorang kontraktor untuk memanjangkan atau *extend* dengan izin CCTV ini kepada semua PBT. Tetapi oleh kerana kosnya agak tinggi dan sebab itu kita telah bermula mengadakan perbincangan yang lebih teliti sebelum kita menjalankan program itu. Kita telah mengadakan beberapa perundingan dan mesyuarat dengan kontraktor yang telah dilantik oleh kerajaan yang lama itu dan untuk tujuan memastikan apabila kita ada sistem litar CCTV, kita akan menjamin bahawa kualitinya adalah baik. Apa yang berlaku kepada kes Nurin itu tidak akan berlaku lagi, dan juga kita ingin memastikan kos akan berbaloi, bukan terlalu tinggi sehingga kita tidak dapat membelanjakan kos itu. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Masa sudah sampai. Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, sebelum kita memasuki Aturan Mesyuarat seterusnya saya cuma ingin menarik perhatian bahawa ada sedikit pembaharuan yang dibawa pada mesyuarat kali ini juga, yang pertamanya, Penyata Rasmi tidak lagi diedarkan dalam bentuk cetakan. Diedarkan dalam bentuk CD Rom. Ini adalah satu langkah ke hadapan untuk membina sebuah kerajaan digital. Yang keduanya, Dewan ini menyusun soalan sedemikian rupa, setiap tiga soalan daripada penyokong kerajaan disusuli dengan dua soalan daripada pembangkang. Kita bertindak adil kepada semua. Yang ketiganya, waktu pertanyaan 60 minit bermula daripada waktu pertanyaan dan bukan bermula daripada pukul 10.00. Jadi, waktu itu dikira daripada selepas bacaan doa, selepas proklamasi dan selepas pembentangan kertas-kertas. Itu adalah mengikut Peraturan 24 Sub 5. Baik, Peraturan seterusnya.

## **VI. RANG UNDANG-UNDANG (Enakmen Perbekalan 2009, 2008)**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Rang Undang-Undang Perbekalan (2009, 2008) Semua Peringkat.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin membawa suatu usul yang berbunyi sebagai berikut :

“ Bahawasanya Dewan bersidang pada hari ini mengikut syarat perenggan 11 dan Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor hendaklah menyambung persidangannya sehingga semua ucapan Bajet 2009 selesai dibacakan. “

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat keputusan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Dipersetujui.

## UCAPAN BAJET OLEH Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : *Bismilahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatulahi taala wabarakatuh* dan salam sejahtera. Segala Pujian bagi Allah SWT, Tuhan semesta alam. Tiada permusuhan melainkan terhadap mereka yang zalim. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, penghulu para rasul dan pemimpin para *muttaqin* serta kepada keluarga dan para sahabat Baginda.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang yang bertajuk "Suatu Enakmen untuk menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2009, dan memperuntukkan wang itu bagi perkhidmatan pada tahun tersebut" dibaca pada kali kedua.

**TUAN SPEAKER** : Setiausaha.....

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker saya mencadangkan suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang kepada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2009 bagi memperuntukkan wang untuk perkhidmatan bagi tahun ini dibacakan bagi kali yang pertama.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUIH SIM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Rang Undang-Undang ini di baca kali yang pertama.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-Undang ini bernama satu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang disatukan negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2009 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

**TUAN SPEAKER** : Setiausaha...

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Saya mencadangkan supaya peraturan tetap 78 ditangguhkan. Peraturan tetap 48 dan 53 membolehkan rang undang-undang ini dibaca pada semuanya dan seterusnya diluluskan.

**Y.B. DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI** : Saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Cadangan dipersetujui.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, tujuan rang undang-undang ini untuk pengeluaran sejumlah wang tidak melebihi satu ribu tiga ratus lima puluh enam juta, tiga ratus lima belas ribu dan lapan ratus dua puluh enam ringgit daripada kumpulan wang yang disatukan negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2009 adalah dibenarkan dan jumlah wang itu diperuntukkan bagi maksud yang dinyatakan dalam jadual.

Tuan Speaker, saya mohon meneruskan ucapan belanjawan.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, kerana dengan rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama hadir di dalam Dewan yang mulia ini. Insya-Allah, dengan inayat-Nya, dalam beberapa detik lagi saya membentangkan Bajet Tahun 2009, iaitu perbelanjaan bagi pengurusan dan pembangunan negeri Selangor, bagi merealisasikan matlamat Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat untuk “merakyatkan ekonomi Selangor” menerusi kerangka pentadbiran yang telus (*transparent*), berhemah (*prudent*) dan berhemat (*thrifty*).

Sesungguhnya Bajet 2009 ini memberi pengertian yang amat besar kepada kita semua oleh sebab ia merupakan bajet sulung yang dibentangkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Bajet ini juga merupakan bajet tahun keempat dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-9. Namun, Bajet 2009 ini berlainan daripada Bajet 2008 yang dibentangkan pada tahun 2007, kerana terdapat pelbagai program dalam agenda “merakyatkan ekonomi negeri Selangor”. Antaranya; takaful untuk warga emas, bantuan wang untuk pelajar universiti, bantuan air percuma, pengendalian industri pasir untuk membantu golongan berpendapatan rendah, dan seterusnya memastikan setiap pengagihan dilaksanakan dengan cekap, adil, telus dan berhemah.

Kerajaan Negeri sekarang juga tidak lagi bersedia memberikan projek-projek hartanah secara usaha sama sebagaimana yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri terdahulu, iaitu pemberian tanah percuma dengan perkongsian keuntungan pada nisbah 70:30. Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat sekarang mendapati usaha sama yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri terdahulu ternyata sentiasa merugikan Kerajaan Negeri kerana sekiranya jualan tanah dilakukan secara terus atau Kerajaan Negeri membangunkan sendiri projek perumahan di atas tanah tersebut, maka keuntungan yang diperolehi bakal berganda sebanyak tujuh atau lapan kali. Contohnya, projek hartanah usaha sama *Canal City*, yang melibatkan pemberian lebih 2,000 ekar tanah secara imbal balik, didapati tidak memberi keuntungan yang sewajarnya kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana hanya memberikan pulangan tunai sebanyak RM22 juta dalam tempoh melebihi lima tahun. Padahal, jikalau tanah tersebut dijual terus, keuntungan kepada Kerajaan Selangor dianggarkan melebihi RM170 juta. Malahan, kawasan yang terlibat mendapat prasarana (*infrastructure*) yang sesuai untuk pembangunan dan pengurangan risiko bencana banjir seratus tahun daripada limpahan Sungai Langat.

Bajet 2008 oleh Kerajaan Negeri dahulu didapati lebih tertumpu pada agenda perindustrian dan ekonomi semata-mata. Daripada segi pelaksanaannya, Bajet 2008 didapati kurang berhemah kerana perbelanjaan sosial bagi kebajikan rakyat hanya diserahkan kepada ihsan Kerajaan Persekutuan. Sikap ini berlawanan daripada slogan negeri Selangor dalam pentadbiran Barisan Nasional bagi menjadikan Selangor Negeri Maju, Bersih dan Berkeadilan. Pada pandangan barisan kepimpinan Pakatan Rakyat, sebuah negeri maju seperti Selangor, sepatutnya berbelanja dengan tumpuannya terhadap kebajikan rakyat sebagaimana praktik di negara-negara yang mengisytiharkan mereka maju. Walau bagaimanapun, oleh sebab rakyat dan syarikat-syarikat di negeri Selangor juga menyumbangkan cukai pendapatan dan cukai-cukai lain yang dianggarkan berjumlah RM30 bilion kepada tabung Kerajaan Persekutuan, maka wajarlah Kerajaan Negeri menggesa Kerajaan Persekutuan supaya mengalirkan perbelanjaan sosial dan pembangunan negara untuk rakyat Selangor. Cara pengagihan oleh Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan Selangor pula perlu adil dan tidak bergantung pada fahaman politik atau ras.

Menurut Perlembagaan Persekutuan, perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang dimeterai dalam Perlembagaan Persekutuan, menyatakan hak Kerajaan Persekutuan mengumpul cukai di negeri-negeri, maka tanggungjawab Kerajaan Persekutuan mengeluarkan perbelanjaan bagi pembangunan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, Kerajaan Selangor tidak menolak konsep "*equalization formula*" (dengan izin), yang menggunakan kaedah perbelanjaan pembangunan diletakkan kepada negeri-negeri yang ketinggalan daripada segi per kapita. Sebaliknya, kita mahukan pelan pembangunan yang tuntas dan dilaksanakan dengan cekap.

Pada masa sekarang, negeri-negeri dalam Persekutuan dan juga rakyat sedang mengalami bencana akibat kenaikan harga beberapa utiliti atau kemudahan asas yang dihasilkan menerusi penswastan yang secara tidak adil mengenakan tarif yang tinggi kepada rakyat untuk air, elektrik dan tol lebuhraya. Tiba masanya Kerajaan Negeri bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan bagi menyusun semula struktur penswastan yang tidak memberi khidmat sempurna dan harga yang berpatutan untuk rakyat. Di samping itu kita hendak menghentikan keadaan urus niaga yang memberi keuntungan kepada syarikat-syarikat yang tidak menanggung apa-apa risiko operasi. Contohnya, dalam penstrukturan semula industri air negeri Selangor. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sudah pun mencapai kata sepakat bagi menyelesaikan masalah dan situasi yang dinyatakan.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Selangor bukanlah sebuah negeri yang masih membangun yang perlu menumpukan sepenuhnya perbelanjaan bagi meningkatkan prasarana atau infrastruktur. Sebaliknya, Selangor merupakan sebuah negeri maju yang berupaya menumpukan sebahagian bajetnya untuk mengagihkan kekayaan kepada rakyat Selangor secara terus. Dalam hal ini, Kerajaan Pakatan Rakyat *mempersoalkan penajaan kemajuan tanpa pengertian kepada rakyat yang menjadi amalan dalam pelaksanaan ekonomi oleh Kerajaan Barisan Nasional*.

Sehubungan ini, kita perlu menerima hakikat, bahawa Selangor mencapai status Negeri Maju pada tahun 2005 dahulu, bukanlah disebabkan oleh polisi atau dasar kerajaan Barisan Nasional semata-mata. Pencapaian tersebut, sebaliknya lebih dirangsang oleh arus pembangunan serantau yang mendorong pelabur-pelabur asing melabur di Selangor dan seluruh Malaysia. Ini bermakna, arus pembangunan global yang menyebabkan Selangor terus membangun walaupun terdapat banyak penyelewengan dan pengurusan yang tidak amanah yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional dahulu secara sedar mahupun secara tidak sedar. Di Selangor sendiri terdapat contoh-contoh yang memperlihatkan pengagihan tersebut diragukan kerana tender yang tidak telus dan menyebabkan kenaikan kos pembinaan prasarana seperti jalan raya dan bangunan-bangunan kemudahan awam. Pada pandangan Pakatan Rakyat pembangunan sedemikian bukan bertujuan murni untuk rakyat terbanyak.

Disebabkan terdapat penyelewengan dalam projek usaha sama hartanah di negeri Selangor, Kerajaan Negeri sebelum ini mungkin sudah kehilangan RM30 bilion dalam masa 30 tahun lalu. Hal ini disebabkan oleh projek usaha sama dan pemberian tanah percuma secara imbal balik yang dilakukan sebelum ini, berbanding jika dilakukan penjualan tanah secara langsung atau dibangunkan sendiri oleh Kerajaan Negeri. Ia

bermakna, jikalau tiada rasuah dan penyelewengan, sudah tentu negeri Selangor menjadi lebih maju daripada sekarang. Tegasnya, seandainya Selangor ketika dalam penguasaan Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional dahulu diurus dengan cekap seperti Singapura, dan jikalau tampuk pentadbirannya lebih telus, adil, berhemah dan berhemat, maka sudah tentu pendapatan per kapita negeri Selangor menjadi empat kali ganda daripada sekarang.

*Expectation* (dengan izin) atau harapan rakyat sekarang juga lebih tinggi daripada dahulu. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri sekarang sudah mula “merakytakan ekonomi” Selangor yang tidak pernah dibuat dahulu dan kita sekarang berusaha memperbaiki kelemahan pentadbiran negeri Selangor yang lalu. Antara kelemahan Kerajaan lalu: (i) Tidak mentadbir dengan telus, ikhlas dan bertanggungjawab. Contohnya, memberi tanah percuma, murah atau secara imbal balik yang menghasilkan keuntungan berlebihan kepada individu-individu dan syarikat swasta. Kedua, sasaran setinggan sifar yang bukan untuk membantu membina rumah untuk komuniti setinggan tetapi tujuan sebenarnya supaya mengosongkan tanah berkenaan untuk diberi kepada syarikat swasta melalui projek usaha sama hartanah. Walhal pampasan kepada setinggan tidak mencukupi, dan jika dahulu mereka menginap di atas tanah kini mereka tinggal di atas awan. Ketiga, pemberian kontrak berterusan kepada syarikat-syarikat yang tidak berupaya melakukannya dengan cekap dan sempurna. Perbuatan seumpama ini sebenarnya tidak memberi peluang yang banyak kepada kaum Melayu dan bumiputera dalam bidang perniagaan.

Pentadbiran baharu negeri ini hendak memastikan syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri, atau “*government linked companies - state GLCs*” (dengan izin), bukanlah wadah atau platform untuk memberi kontrak kepada kroni-kroni atau rakan-rakan politik. Sebaliknya, kita mahu memastikan pengurusan dilaksanakan secara profesional supaya Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab terhadap setiap keputusan yang dibuat bukan sebagaimana amalan sebelum ini, yang segala kesalahan diletakkan pada Dato’ Menteri Besar Selangor. Sehubungan ini, sejak Pakatan Rakyat memerintah, Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif syarikat-syarikat milik kerajaan negeri atau *state GLCs* ini, apabila tidak dapat menjawab secara rasional projek-projek usaha sama hartanah dengan swasta yang, (dengan izin), *lopsided against the state*, seperti penyerahan tanah melalui, dengan izin, “*Power of Attorney*” dan sebagainya, mereka, tanpa segan dan silu, sanggup terus mengatakan “Menteri Besar” dahulu yang menyuruh mereka berbuat demikian. Perkara seumpama, terutamanya berlaku dalam *State Secretary Incorporated*, PNSB, PKPS dan PKNS. Kerajaan sekarang masih mengekalkan Ketua-Ketua Eksekutif ini kerana mahu mereka menebus kesalahan lalu dengan mendapatkan kembali wang yang hilang akibat penyelewengan. Kita mahu menamatkan khidmat mereka sekiranya mereka tidak dapat mengembalikan hasil yang lesap akibat penyelewengan dan berkemungkinan besar dikenakan tindakan susulan.

Kerajaan Negeri juga sudah mengeluarkan arahan yang melarang Wakil-wakil Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri daripada mempengaruhi keputusan Jawatankuasa Bertindak Tanah di daerah-daerah. Ia bermakna wakil-wakil rakyat tidak mempunyai ruang untuk menyeleweng dalam urusan tanah. Begitu juga dengan pemilihan tender, kita mengeluarkan ahli-ahli majlis yang dilantik daripada Jawatankuasa Panel Tender Majlis-Majlis Daerah bagi mengelak sangkaan atau tohmahan menyeleweng. Namun begitu, saya banyak mendengar aduan yang menyatakan terdapat pegawai-pegawai kerajaan era Kerajaan dahulu, yang sebahagiannya masih duduk dalam panel tender, didapati terus melakukan penyelewengan. Oleh itu, Kerajaan sekarang berusaha

membaiki sistem panel tender di Majlis-Majlis Daerah dengan mengarahkan supaya mesyuarat panel tender diadakan secara terbuka kepada orang ramai. Keputusan juga dibuat dalam mesyuarat terbuka serta penyerahan borang tender dimasukkan ke dalam kotak lut sinar dan secara terbuka supaya orang ramai boleh memerhatikan prosedur tersebut dengan telus.

Sebelum meneruskan ucapan, izinkan saya Tuan Speaker, bagi memaklumkan kepada orang ramai, iaitu, ucapan pembentangan Bajet 2009 ini boleh juga diikuti secara langsung menerusi web rasmi Kerajaan Negeri Selangor, di laman: [www.selangor.gov.my](http://www.selangor.gov.my). Terima kasih.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Sesungguhnya, usaha pentadbiran baharu kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor bukan setakat mengekalkan taraf “negeri maju”. Sebaliknya, kita bersedia bekerja keras bagi “memewahkan rakyat Selangor” menerusi pelaksanaan beberapa program dalam agenda “merakyatkan ekonomi Selangor”. Tegasnya, ketika kerajaan sekarang berusaha memastikan negeri Selangor terus maju dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat, maka dalam masa sama kerajaan sekarang juga mahu memastikan rakyat hidup dalam serba cukup di samping menikmati kemakmuran dan kesejahteraan. Walhal, seandainya Kerajaan Negeri yang lepas pun benar-benar mentadbir untuk kebajikan rakyat, maka sudah tentulah tidak ada puluhan ribu rakyat Selangor yang masih dalam keadaan “kais pagi makan pagi, kais petang makan petang” di beberapa daerah dan mukim dalam negeri Selangor yang kita sayangi ini.

Sehubungan itu, dalam keadaan apa pun, kerajaan sekarang tetap meneruskan usaha memberikan kesejahteraan kepada rakyat. Justeru itu, kita para pemimpin yang dipilih oleh majoriti rakyat dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 lalu, mesti bersedia bersatu dan ikhlas bersama rakyat dalam usaha menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran yang bakal mendatang. Saya berkeyakinan tinggi sekiranya semangat bersatu dan sikap bertolak ansur diamalkan antara kita, negeri Selangor mampu terus gagah mengharungi segala cabaran lantaran Allah melindungi Raja dan rakyatnya. Sikap ini bersesuaian dengan firman Allah, dalam Surah Yunus, Ayat 44, yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah tidak berbuat zalim kepada manusia sedikit pun, akan tetapi manusia itulah yang berbuat zalim kepada diri mereka sendiri”.

Sebagaimana dimaklumi oleh semua ahli Yang Berhormat, fenomena tsunami politik melanda Malaysia pada pilihan raya umum ke-12 yang lalu. Lantas, 9 Mac 2008 merupakan tarikh keramat kepada Pakatan Rakyat untuk memerintah Kerajaan Negeri Selangor. Mandat oleh rakyat kepada kerajaan Pakatan Rakyat yang dianggotai Parti KeAdilan Rakyat (PKR), Parti Demokratik Rakyat Malaysia (DAP) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) merupakan suatu amanah bagi barisan kepimpinan Pakatan Rakyat dalam usaha memikul tanggungjawab memimpin, merancang dan melaksanakan pembangunan ekonomi negeri dengan telus untuk manfaat rakyat negeri ini khususnya.

Pentadbiran Kerajaan baharu Pakatan Rakyat ini merupakan titik tolak memacu perubahan bagi pentadbiran yang lebih telus, adil, amanah dan berhemah. Tindakan ini merupakan cabaran yang perlu disahut dan dibuktikan kepada rakyat yang mengharapkan pentadbiran kerajaan baharu Pakatan Rakyat agar segera membawa kemakmuran, kesejahteraan dan keprihatinan kepada kebajikan rakyat secara menyeluruh.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Seterusnya, bagi memperincikan konsep dan dasar yang merangkumi usaha memajukan negeri dan memewahkan rakyat Selangor maka izinkan saya membentangkan hujahan yang banyak sedikit merangsang tumpuan Bajet Selangor bagi tahun 2009. Antaranya perkembangan ekonomi negara secara umum, prestasi ekonomi negeri Selangor, dan perancangan serta strategi pelaksanaan program-program dalam agenda “merakyatkan ekonomi negeri Selangor” demi pencapaian matlamat Selangor Negeri Idaman, Maju dan Sejahtera.

Pada keseluruhannya, prestasi pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahap yang dijangkakan, dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku tahun pertama mencatat pertumbuhan 7.1%, dan 6.3% bagi suku tahun kedua. Petunjuk ini meletakkan KDNK bagi setengah tahun pertama 2008 di tahap 6.7%. Meskipun negara tidak terkecuali ditimpa kesan negatif disebabkan harga minyak yang tidak menentu, dan kelembapan ekonomi beberapa negara maju terutama di Amerika Syarikat, namun, Kerajaan Persekutuan mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada kadar 5.7 peratus pada tahun ini.

Bagi pihak pentadbiran negeri Selangor, kita sebaliknya menganggarkan pertumbuhan KDNK negeri Selangor pada kadar 5.9 peratus pada tahun 2008 iaitu lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan negara Malaysia. Hal ini, antara sebabnya kerana sejak berkuasa Kerajaan Negeri sekarang mengambil langkah berhati-hati dalam berbelanja, agar Selangor terhindar daripada menerima kesan kemelesetan ekonomi yang ketara.

Namun demikian, apabila memperkatakan prestasi ekonomi Selangor, kita sedia maklum perkaitannya dengan keadaan ekonomi global yang kini semakin tidak menentu terutama prestasi ekonomi Amerika Syarikat, negara-negara Eropah dan Timur Tengah. Hal ini disebabkan berlakunya kenaikan dan penurunan harga minyak dunia pada paras yang tidak menentu, di samping krisis bekalan makanan dunia yang semakin meruncing. Harga minyak dunia pernah mencapai paras USD\$147 se tong. Untungnya, kini harga bahan mentah tersebut sekarang berada di bawah paras USD\$70 se tong.

Situasi ini dikhuatiri sudah memberi impak terhadap kenaikan harga barangan keperluan asas seperti beras, minyak masak, tepung, gula, telur ayam dan beberapa barangan lain. Kesan kenaikan harga barangan ini cukup membebankan rakyat kita, khususnya rakyat berpendapatan kurang RM1500 sebulan. Nanti saya huraikan perkara ini lagi apabila kita memperkatakan garis kemiskinan di negeri Selangor.

Seterusnya, disebabkan wujudnya sentimen buruk pasaran saham dunia dan krisis kewangan global, maka implikasinya menimpa Indeks Komposit Kuala Lumpur apabila ia jatuh ke paras bawah 900 mata, iaitu yang terburuk dalam masa setahun. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan menyatakan ia tetap berusaha keras bagi memastikan pembangunan terus berkembang melalui kemasukan pelabur-pelabur asing. Malahan, Kerajaan Persekutuan “dengan bongkaknya” menolak cadangan Pakatan Rakyat dalam Sidang Parlimen pada 14 Oktober lalu supaya dilakukan “semakan” terhadap andaian-andaian Bajet 2009 yang dibentangkan pada Ogos lalu, kerana barisan kepimpinan Pakatan Rakyat mendapati beberapa angka, fakta dan unjuran dalam Bajet 2009 Kerajaan Persekutuan “sudah jumud” berdasarkan situasi kemelesetan ekonomi global sekarang. Dalam hal ini, Selangor, kita melipatgandakan

usaha menarik pelabur-pelabur asing yang semakin yakin datang melabur sejak perubahan kerajaan pemerintah dengan penambahan pelabur luar yang juga mendadak. Contohnya, pelabur Jerman, QCell, yang melabur RM5.0 bilion dalam teknologi solar di Taman Perindustrian Bukit Baja, Sepang tahun ini.

Pada tahun 2008, ekonomi negeri Selangor masih mengembang, melebihi pertumbuhan ekonomi negara walaupun terdapat masalah hutang subprima atau "*subprime loans*" (dengan izin) yang berpunca akibat kejatuhan harga hartanah di Amerika Syarikat seperti *Bear Stearns*, *Lehman Brothers*, *Royal Bank of Scotland*, dan beberapa institusi kewangan lagi. Dijangkakan, krisis kewangan global ini terus berpanjangan dalam tahun 2009 dan mungkin sehingga tahun 2010.

Malahan, pada masa ini para penganalisis ekonomi global berpendapat kita masih belum melihat (dengan izin), "*the bottom of the global financial crisis*". Justeru itu, kerajaan sekarang menjangkakan pertumbuhan ekonomi Selangor pada tahun 2009 berkembang pada kadar 5.7% berbanding 5.9% 2008. Namun demikian, angka ini perlu dipantau dan disemak dari semasa ke semasa bagi memastikan prestasi ekonomi negeri berada pada landasan yang betul.

Mengikut unjuran *Malaysian Institute of Economic Research* (MIER) pertumbuhan ini meningkatkan nilai KDNK negeri pada harga malar tahun 2000 kepada RM118.2 bilion pada 2009, berbanding hanya RM111.9 bilion pada 2008. Pendapatan per kapita rakyat bagi 2009 diramal meningkat kepada RM22,062 daripada RM22,825 pada 2008. KDNK per kapita pariti kuasa beli (PPP) dijangka meningkat kepada USD19,798 pada 2009 berbanding USD18,836 pada 2008. Kita berharap prestasi ini dapat ditingkatkan dan digunakan dalam rancangan pembangunan yang membahagiakan seluruh rakyat.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Di negeri Selangor, tidak dinafikan, sektor perindustrian merupakan penyumbang utama terhadap kerancakan ekonomi negeri, dan malah ia merupakan nadi pertumbuhan ekonomi negara. Kita berharap sektor ini perlu dipacu bagi meningkatkan lagi prestasinya. Kita menjangkakan sektor perindustrian ini menyumbang lebih 58% dalam KDNK negeri pada 2008. Nilai sektor perkilangan ini dijangka meningkat ke RM71.7 bilion pada tahun 2009 berbanding RM68.6 bilion pada tahun 2008 iaitu pertumbuhan pada kadar 4.5%.

Kita memastikan negeri Selangor menjadi tumpuan utama pelabur-pelabur dari dalam dan luar negeri sebagai destinasi pelaburan yang menguntungkan. Ini terbukti apabila jumlah pelaburan dalam dan luar negeri yang mengalir ke negeri Selangor dijangka kekal melebihi RM8 bilion setahun. Saya yakin dengan tadbir urus kerajaan yang cekap dan telus (*good governance*) yang ditunjukkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat, Selangor mampu membawa masuk pelaburan baharu berjumlah lebih RM12 bilion setahun.

Nilai pelaburan yang berjaya diperoleh oleh Selangor pada tahun 2007, berjumlah RM11.18 bilion. Perangkaan ini merupakan jumlah pelaburan tertinggi yang pernah diterima sejak tahun 1987. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM4.19 bilion (37.5%) adalah pelaburan asing dan RM6.99 bilion (62.5%) pelaburan tempatan. Prestasi tersebut telah menunjukkan perkembangan positif pada 2008, iaitu sehingga Jun, nilai pelaburan mencatatkan sebanyak RM5.88 bilion melalui nilai pelaburan asing yang

tinggi. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri berusaha mensasarkan pelaburan bagi tahun 2009 melebihi RM12 bilion dan yakin dapat mencapai sasaran pelaburan melebihi RM35 bilion dalam tempoh RMK-9.

Dalam hal ini, kerajaan Pakatan Rakyat mahu usaha yang lebih agresif wajar digembleng bagi mencari pelabur-pelabur di negeri Selangor. Antaranya, peraturan-peraturan yang sedia ada perlu dimudahkan bagi keselesaan para pelabur. Sikap negatif dalam kalangan kita yang hanya menunggu pelaburan datang bergolek tanpa berusaha gigih, perlu segera dipositifkan.

Justeru itu, saya mengarahkan Selangor *State Investment Corporation* (SSIC) supaya melipat gandakan usaha menarik pelabur-pelabur asing dengan merangka beberapa strategi baharu seperti Lembah Klang 2 dan tarikan pelabur-pelabur dalam industri teknologi tinggi baharu seperti teknologi solar.

Konsep hub serantau termasuk menjadi Selangor hub kewangan Islam, hub pendidikan tinggi dan sekolah swasta, hub industri solar, hub industri halal, hub akuakultur moden dan sebagainya, boleh dikaji dengan lebih mendalam dan ditingkatkan lagi oleh SSIC. Selain daripada meneruskan program sedia ada dan penambahbaikan dalam strategi menarik pelaburan, Kerajaan Negeri juga menubuhkan IPMG (*Industrial Park Management Group*). Sebagai permulaan tiga (3) kawasan yang dikenal pasti bagi penubuhan IPMG ini, iaitu

- (i) Kawasan Perindustrian Bandar Sultan Sulaiman, Pelabuhan Klang;
- (ii) Kawasan Perindustrian Seksyen 15, Shah Alam, dan
- (iii) Taman Sains Selangor, Kota Damansara.

Sekiranya berjalan lancar, IPMG ini boleh diperluas ke seluruh kawasan perindustrian di negeri Selangor, secara berperingkat atau berdasarkan keperluan semasa.

Di samping itu, program-program dan promosi galakan pelaburan perlu diteruskan dan digandakan dengan keutamaan dalam kumpulan-kumpulan kecil kerana ia lebih fokus dan efektif. Fokus utama kini bagi menarik pelabur sedia ada supaya sedia menambah pelaburan mereka di samping cuba menarik pelaburan baharu yang berpotensi.

Daripada aspek perkhidmatan, kita turut berkeyakinan sektor perkhidmatan mempunyai potensi besar dalam usaha merencanakan pertumbuhan ekonomi Selangor. Sumbangan sektor perkhidmatan terhadap KDNK negeri sebanyak 38%, membuktikan sektor ini berupaya mempercepat pertumbuhan ekonomi Selangor. Dalam hal ini, negeri Selangor dijangka mencatat peningkatan nilai tambah sektor perkhidmatan kepada RM47.8 bilion pada tahun 2009 berbanding RM45.2 bilion pada 2008 iaitu pertumbuhan pada kadar 5.8%.

Ternyata, sektor perkhidmatan berperanan penting dalam usaha melancarkan hubungan dengan sektor ekonomi lain. Dengan yang demikian, usaha menjadikan Selangor hub serantau bagi sektor perkhidmatan perlu dilaksanakan. Bagi memenuhi tujuan ini, kita perlu memastikan sektor perkhidmatan seperti kegiatan subsektor pelancongan, teknologi komunikasi (ICT), logistik, pendidikan dan kesihatan lebih berdaya saing.

Usaha gigih yang berterusan diperlukan bagi memastikan sektor perkhidmatan ini dapat memberi sumbangan maksimum terhadap pertumbuhan ekonomi negeri.

Program-program penggalakan bagi sektor perkhidmatan yang berterusan dijangka melibatkan sektor perkhidmatan baharu yang berikut:

- a) Perkhidmatan Perniagaan dan Profesional  
(*Business and Professional Services*);
- b) Perkhidmatan Logistik Berintegrasi  
(*Integrated Logistic Services*);
- c) Perkhidmatan Berkaitan ICT  
(*ICT Related Services*);
- d) Perkhidmatan Pengagihan  
(*Distributive Services*);
- e) Perkhidmatan Pendidikan dan Latihan  
(*Education and Training Services*);
- f) Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan  
(*Medical and Health Services*);
- g) Perkhidmatan Pelancongan dan  
(*Tourism Services*);
- h) Perkhidmatan Berkaitan Pembuatan  
(*Manufacturing Related Services*).

Dalam sektor pertanian dan perlombongan, bagi tahun 2008, sumbangannya sebanyak 3.1 peratus terhadap pertumbuhan ekonomi negeri, dan angka ini merupakan penyumbang terkecil KDNK negeri dan dijangka bertumbuh pada kadar 3.3% pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tetap memfokus kepada usaha memperkasa sektor pertanian melalui pendekatan Pertanian Moden (*modern agriculture*).

Bagi meningkatkan kualiti dan produk pertanian bermutu tinggi, bidang pertanian masih memfokus pada pertanian berteknologi moden, berskala besar dan berorientasikan eksport. Ini, kerana Pakatan Rakyat percaya fungsi dan peranan sektor pertanian di Selangor amat penting sebagai sumber makanan. Malah ia merupakan punca pendapatan utama golongan petani, penternak dan nelayan yang berpendapatan kurang RM 1500 sebulan.

Bagi golongan petani, penternak, dan nelayan yang sedang memulakan usaha pertanian dan pendapatan mereka pula melebihi RM1500 sebulan, maka mereka dibantu untuk meningkatkan produktiviti agar memperoleh pendapatan melebihi RM3,000 sebulan. Kerajaan Negeri juga mahu memastikan yang agihan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan sampai pada sasarannya bukan tersendat dalam "Akaun Orang Yang Ketiga".

Pada tahun 2009, Kerajaan Negeri berusaha memperkasa sektor pertanian melalui Program Pertanian Bandar (*urban agriculture*), penyediaan dana pemindahan teknologi, projek pemprosesan kerang, revolusi hasil padi melalui teknologi moden dan pewujudan kilang kerepek menurut piawai HACCP, atau singkatan bagi "*Hazard Analysis Critical Control Point*".

Piawai HACCP merupakan sistem kawalan proses yang direka cipta bagi mengenal pasti dan mengelak pencemaran mikro dan gangguan lain dalam penghasilan makanan. Dari aspek kependudukan, penduduk Negeri Selangor pada 2009 dianggarkan berjumlah 5.2 juta orang berbanding 5.1 juta pada tahun ini, dengan kadar pertumbuhan penduduk dianggarkan 1.96%. Bangsa Melayu merupakan komposisi kaum yang tertinggi dengan 51%, diikuti oleh kaum Cina 29%, India 14%, dan 6% keturunan lain. Kumpulan peringkat umur belia merupakan golongan penduduk yang paling ramai iaitu 45% daripada penduduk Negeri Selangor yang bakal mengisi ruang pembangunan negeri.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Sekarang, izinkan saya membentangkan senario Bajet Tahun 2009 Negeri Selangor.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, bajet Kerajaan Persekutuan pada tahun 2009 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri pada 29 Ogos lalu, secara tidak langsung turut mengiktiraf manifesto Pakatan Rakyat dalam pilihan raya umum ke-12. Dalam pembentangan bajet itu, Perdana Menteri mengumumkan pemberian bekalan elektrik percuma bagi penggunaan elektrik berjumlah kurang RM20 sebulan di samping memberi tumpuan kepada strategi menjamin kesejahteraan rakyat dengan memfokus kepada golongan berpendapatan rendah. Padahal, pada hakikatnya, Kerajaan Pakatan Rakyat di lima negeri di semenanjung pun, sedang berusaha terus bagi menerapkan konsep kerajaan berkeadilan kepada seluruh rakyat.

Di Negeri Selangor sahaja, sehingga Oktober ini, sebilangan rakyat sedang menikmati pelbagai bantuan dalam bentuk wang dan barangan keperluan asas. Antaranya, pemberian air percuma, bantuan kepada golongan miskin, golongan orang kurang upaya, warga emas, bantuan membaik pulih rumah, masjid dan kuil, dan bantuan pendidikan anak ke menara gading.

Insya-Allah, bermula tahun kedua pemerintahan Pakatan Rakyat di Selangor, rakyat bakal menerima penambahan bantuan kewangan dan kebendaan. Wajarliah juga saya menggunakan kesempatan ini bagi mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana mengambil kira cadangan Kerajaan Negeri melalui Siri Dialog Bajet 2009, yang menekankan keperluan suatu jaringan sistem pengangkutan awam yang lebih cekap dan mantap di Negeri Selangor di dalam Bajet Persekutuan 2009.

Sistem jaringan pengangkutan yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri berupa laluan LRT baru dari Kota Damansara ke Cheras dan menambah jaringan LRT yang sedia ada aliran Kelana Jaya dan aliran Ampang. Kerajaan Negeri juga mencadangkan supaya diperluas jaringan perkhidmatan rel komuter bagi laluan Sentul-Batu Caves.

Penambahbaikan jaringan sistem pengangkutan ini secara tidak langsung boleh memberi impak positif kepada pembangunan sosioekonomi di Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri berharap pada kali ini projek tersebut benar-benar menjadi realiti dan tidak rancangan semata-mata, oleh sebab ia sudah diumumkan sejak 2006.

Dalam perkataan lain, Kerajaan Negeri mahu jaringan pengangkutan ini dilihat secara menyeluruh dan lestari dengan melibatkan jaringan bas dan integrasi bas serta kenderaan persendirian secara “letak dan naik” (*park and ride*). Jika tidak, sistem pengangkutan awam mungkin terus menghadapi masalah yang membelenggu kelancaran sistem pengangkutan kini.

Apakah tumpuan Bajet Negeri Selangor pada tahun 2009?

Sebagaimana yang dinyatakan di peringkat awal ucapan ini, Bajet tahun 2009 Negeri Selangor ini dibentangkan berteraskan prinsip “Merakyatkan Ekonomi Selangor”. Prinsip ini bertujuan memastikan rakyat negeri ini sama-sama menikmati kekayaan selari dengan pertumbuhan pesat ekonomi negeri.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri bertekad meneruskan usaha mencari sumber hasil baharu bagi memantapkan ekonomi Negeri Selangor melalui penyediaan Bajet 2009 ini. Kita mesti wajar bersyukur ke hadrat Allah SWT, lantaran Negeri Selangor dianugerahi peningkatan hasil negeri yang memberangsangkan dan pertumbuhan hasil baharu yang menjana ekonomi Negeri Selangor. Kita memikul kepercayaan dan amanah daripada rakyat untuk mengagihkan setiap sumber hasil yang diterima oleh kerajaan secara telus, adil dan saksama kerana hasil negeri merupakan hak rakyat yang perlu dikongsi bersama. Apalah yang hendak dibanggakan sangat, jika negeri maju sedangkan banyak rakyat yang masih berada dalam garis-garis kemiskinan.

Maka, dalam ungkapan paling singkat kerajaan mahu berusaha “Memajukan Negeri dan Memewahkan Rakyat” dalam pelbagai program yang dihuraikan kemudian. Kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor perlu menguruskan sebuah negeri maju yang berteraskan kesedaran kerohanian, menangani ketidaksamaan sosioekonomi yang berterusan, memacu pembangunan modal insan, menyediakan panduan strategik mengenai arah dan corak perbandaran serta penggunaan tanah, menambah baik tadbir urus, menguruskan alam sekitar yang mampan dan menjana sumber pertumbuhan baharu.

Hala tuju pembangunan Negeri Selangor mempunyai visi menjadikan Negeri Selangor Negeri Idaman, Maju dan Sejahtera. Visi ini hendaklah dicapai melalui misi melestarikan kehidupan rakyat untuk kesejahteraan hubungan dengan Tuhan, dengan manusia dan alam sekitar.

Sukacita saya maklumkan, hala tuju perancangan pembangunan Negeri Selangor menjelang tahun 2025 turut dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini. Landasan pembangunan Negeri Selangor direka cipta dengan teliti dan menyeluruh berdasarkan wawasan, pemikiran serta usaha yang bermatlamatkan pendekatan yang lebih komprehensif dan holistik, iaitu pembangunan yang menggabungkan secara komposit faktor jasad, akal dan roh.

Bagi menjayakan, kami sebelumnya mengadakan dua bengkel, iaitu Dialog Bajet Negeri Selangor yang mengikut sertakan wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan atau NGO, ahli-ahli akademik dalam perbincangan selama dua hari. Bengkel Hala Tuju Negeri Selangor juga disertai wakil-wakil rakyat, wakil-wakil semua jabatan di Negeri Selangor, semua Pegawai Daerah, semua Yang dipertua Majlis Bandaran yang sama-sama

memberi pandangan dan cadangan serta berdialog berkaitan dengan Hala Tuju Negeri Selangor.

Apakah Strategi Bajet Negeri Selangor pada Tahun 2009?

Sebanyak lima strategi ditetapkan dan mahu dilaksanakan dalam Bajet 2009, bersesuaian dengan tema bajet yang tertumpu kepada “Merakyatkan Ekonomi Selangor”.

- 1) Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES)
- 2) Meningkatkan hasil pendapatan negeri
- 3) Memperkasa modal insan
- 4) Mengurus perbelanjaan dengan cekap
- 5) Memantapkan pembangunan Negeri Selangor

Dalam pelaksanaan Fasa 1 ini, Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor mengandungi empat (4) fasa utama yang merangkumi 18 program. Sebanyak tujuh (7) program yang diumumkan kepada rakyat sempena sambutan Majlis 100 Hari Pentadbiran Kerajaan Baharu tempoh hari berjaya dilaksanakan.

Program-program tersebut meliputi Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Bekalan Air Percuma Bagi 20 M<sup>3</sup>, Hadiah Anak Masuk Universiti, Tabung Mesra Usia Emas, Program Peningkatan Pendapatan Hasil Dari Bahan Batuan Dan Mineral, Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC) dan Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang.

Sejumlah RM35 juta sudah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi menjayakan program ini. Malah, Kerajaan Negeri juga melalui anak syarikat milikan penuh KDEB merancang dan melaksanakan program pemberian air percuma. Implikasi kewangan bagi pelaksanaan Fasa 1 MES diperlihatkan dalam rajah yang diberikan.

<b>PROGRAM</b>	<b>IMPLIKASI KEWANGAN (RM)</b>
Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	13.5 Juta
Bekalan Air Percuma Bagi 20M <sup>3</sup>	50 juta melalui KDEB (pinjaman)
Hadiah Anak Masuk Universiti	8.2 Juta
Tabung Mesra Usia Emas	20.7 Juta
Program Peningkatan Pendapatan Hasil daripada Bahan Batuan dan Mineral	Dibiayai oleh KKSB
Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)	600,000
Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang	2 Juta

Pelaksanaan Fasa ke-2 MES dijangka dimulakan pada Januari 2009. Fasa ini mempunyai enam (6) program yang memberi manfaat kepada kakitangan kerajaan, orang kurang upaya dan anak-anak yatim. Fasa ini mengandungi program-program berikut:

Pertama, menimbang pemberian cuti bersalin 90 hari kepada wanita bekerja. Program ini dirangka berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2007 (Kemudahan Cuti Menjaga Anak), yang menyatakan seseorang kakitangan awam boleh mengambil cuti tanpa gaji sebanyak 1,825 hari (5 tahun) sepanjang tempoh perkhidmatan. Tempoh cuti bersalin yang diguna pakai pada masa sekarang berjumlah 60 hari. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri masih mengkaji cadangan memberikan tambahan cuti sebanyak 30 hari bagi cuti tanpa gaji dengan membayar elaun gantian penuh sebulan.

Kedua, menimbang pertambahan cuti 14 hari kepada suami yang isterinya bersalin. Seorang pekerja lelaki boleh Cuti Tanpa Rekod selama 7 hari jika isterinya bersalin dan dicadangkan diberi pilihan untuk tambah cuti selama 7 hari lagi.

Ketiga, menimbang pemberian cuti sebulan kepada wanita yang kematian suami. Kehilangan ketua keluarga sememangnya memberi kesan yang mendalam kepada insan yang ditinggalkan. Justeru itu, Kerajaan Negeri begitu prihatin terhadap keadaan ini dan bercadang memberi sebulan cuti kepada wanita yang kematian suami. Elaun gantian gaji penuh sebulan bagi kakitangan wanita yang berstatus tetap atau kontrak juga layak diterima oleh balu tersebut. Perkara ini sedang dalam kajian kita.

Keempat, menimbang pemberian caruman takaful kepada orang kurang upaya dan Anak Yatim. Satu skim Caruman Takaful kepada warga emas sudah dilancarkan dalam Fasa 1 Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor. Kini, skim seumpama difikirkan wajar diwujudkan bagi memberi pembelaan pada golongan orang yang kurang upaya dan anak yatim. Sehubungan ini, skim Caruman Takaful kepada Orang Kurang Upaya dan Anak Yatim diwujudkan dalam Fasa Kedua Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor.

Kelima, menimbang pemberian bantuan kepada peniaga muda. Kerajaan Negeri memang menggalakkan golongan muda menceburi bidang perniagaan. Sehubungan ini, Kerajaan sedia memberi bantuan dalam bentuk kewangan, infrastruktur, latihan dan nasihat kepada golongan muda yang berhasrat menceburi bidang perniagaan. Di samping itu, kita akan menyediakan kursus bagi para belia untuk mendapat bantuan pembiayaan daripada Kerajaan Persekutuan.

Keenam, menimbang memberikan bimbingan perniagaan kepada belia. Kerajaan memandang serius terhadap masalah pengangguran yang sedang dihadapi oleh masyarakat kita pada masa ini. Oleh yang demikian, usaha bimbingan dalam bidang perniagaan daripada Kerajaan Negeri Selangor kepada belia dijangka mampu mengubah pemikiran generasi muda kepada bentuk yang bersesuaian dengan kehendak masyarakat majmuk.

Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Fasa 3 bagi merealisasikan Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor, dilaksanakan melalui program-program dalam tahun 2009. Program ini antaranya, memberi bantuan anak ke nurseri dan bantuan anak prasekolah berasaskan tahap kemampuan keluarga.

Dalam usaha menggalakkan pembangunan usahawan pula, Kerajaan Negeri berhasrat melaksanakan beberapa program, antaranya membina banyak premis dan mewujudkan zon-zon industri kecil dan sederhana di seluruh daerah, mewujudkan program inkubator, dan menyediakan latihan keusahawanan di seluruh Selangor.

Kerajaan Negeri hendak memberi keutamaan dalam penyediaan premis perniagaan yang cukup, bimbingan perniagaan serta galakan berniaga kepada golongan belia dan wanita muda. Pelbagai dana dan bantuan kewangan disediakan berbentuk Dana Industri Kecil dan Sederhana, Skim Pinjaman Perusahaan Kecil dan Sederhana dan bagi Makanan dan Bukan Makanan, dalam Skim Pinjaman Industri Kecil. Semua bantuan ini disediakan bagi memberi peluang khususnya kepada peniaga kecil yang kurang kemampuan untuk mengembangkan perniagaan.

Berhubungan dengan keadaan kemiskinan di negeri Selangor, didapati banyak faktor yang menimbulkan masalah kemiskinan di negeri ini. Selain faktor latar belakang pendidikan dan masalah sikap, faktor pembangunan ekonomi yang pesat, dan lowongan pekerjaan yang diisi pendatang asing, turut menjadi penyebab wujudnya keadaan kemiskinan ini.

Hasil kemajuan yang pesat di Selangor, menyebabkan penghijrahan secara berterusan penduduk dari negeri-negeri lain di Malaysia, dan kebanjiran warga asing yang mencari peluang rezeki di Negeri Selangor. Keadaan ini terbukti mewujudkan permasalahan setinggian dan kemiskinan yang serius terutamanya di kawasan bandar-bandar besar dan pinggir bandar Negeri Selangor.

Berasaskan petunjuk angka kemiskinan di peringkat nasional, Pendapatan Garis Kemiskinan merangkumi isi rumah yang berpendapat RM731 ke bawah sebulan, manakala Pendapatan Garis Kemiskinan bagi miskin tegar pula merangkumi isi rumah yang berpendapat kurang RM419 sebulan. Maka, berdasarkan tafsiran ini, kadar kemiskinan di Selangor pada paras 1.1 %, manakala kemiskinan tegar pula pada paras 0.2%.

Namun, angka ini tidak mencerminkan senario sebenar kemiskinan di Selangor kerana 90% penduduknya dianggarkan tinggal di kawasan bandar. Oleh sebab kos sara hidup penduduk di Selangor lebih tinggi, maka nilai pendapatan yang dinyatakan tidak mencerminkan realiti sebenar keadaan kemiskinan di Selangor. Kita tidak mahu berbangga dengan berlindung di sebalik statistik yang diolah bagi faedah kerajaan. Sebaliknya, kita mahu mendapat gambaran yang sebenar merangka dasar-dasar yang benar-benar dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat Selangor.

Kerajaan Negeri dalam Pakatan Rakyat amat prihatin terhadap masalah kemiskinan bandar (*urban poverty*). Bagi mengatasinya, usaha pertama yang dilakukan dengan menaikkan paras Garis Kemiskinan (PGK) kepada RM 1500 sebulan. Berpandukan PGK yang diolah semula ini, kadar kemiskinan Negeri Selangor berada pada paras 30%. Ini bererti, Kerajaan Negeri Selangor yang lepas tidak perlu melaungkan tentang usaha mereka membasmi kemiskinan ke tahap satu peratus.

Sehubungan itu, usaha mengatasi isu kemiskinan di bandar merupakan cabaran besar yang perlu ditangani oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor mencapai kejayaan sebagaimana dirancang demi kepentingan seluruh rakyat negeri ini.

Seterusnya, pembangunan belia dan sukan di negeri Selangor turut diutamakan. Dianggarkan sebanyak 44% komposisi penduduk negeri Selangor terdiri golongan belia. Golongan belia merupakan penyambung generasi mendatang dan merupakan aset yang amat berharga kepada kerajaan. Apatah lagi bagi Kerajaan Pakatan Rakyat yang

memang memberi pengiktirafan meluas kepada golongan belia bagi memainkan peranan sebagai pemimpin dan pembuat dasar. Maka, sesuai dengan hasrat ini, Kerajaan memperuntukkan RM3 juta bagi mewujudkan Majlis Belia dan Sukan Negeri supaya mereka dapat menyediakan pelbagai program khusus kepada belia di semua peringkat.

Usaha Kerajaan Negeri ini malah mampu memberi peluang kepada golongan belia masa kini supaya menyuarakan pendapat dan penglibatan secara aktif dalam program-program yang bermanfaat bagi membentuk masa hadapan mereka yang lebih terjamin dan berperanan aktif. Oleh itu, amatlah wajar Kerajaan Negeri menyediakan wadah atau *platform* kepada golongan bagi menggembelng potensi, menggilap idealisme agar golongan ini memainkan peranan dalam arus pembangunan negeri maju.

Di samping itu, perkaitan antara masalah pengangguran dengan belia memang sukar dileraikan, kerana mereka merupakan golongan terbesar penduduk negeri ini. Walaupun kadar pengangguran di negeri Selangor hanya 3.4% dan merupakan peratus yang terkecil berbanding negeri-negeri lain, namun, permasalahan ini perlu ditangani secara menyeluruh. Misalnya, dengan menyediakan peluang pekerjaan yang mencukupi kepada belia-belia anak Selangor.

Golongan belia yang tercicir dalam pembelajaran akibat masalah kemiskinan juga perlu diberi perhatian. Latihan kemahiran teknikal menurut bidang yang sesuai dengan pasaran buruh semasa sedang disediakan melalui kursus jangka pendek dan jangka panjang bagi memberi peluang kepada belia untuk bersaing mencari peluang pekerjaan di pasaran terbuka. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan awal RM2 juta bagi tujuan merangka dan mempromosi latihan kemahiran dan teknikal.

Sesungguhnya, penyertaan cemerlang golongan belia dalam bidang sukan, tidak mampu dinafikan. Dalam hal ini, Kerajaan Pakatan Rakyat mahu kecemerlangan sukan di negeri Selangor diteruskan melalui perancangan yang teliti, persediaan latihan program serta penganjuran lebih banyak pertandingan sukan peringkat negeri. Usaha ini perlu dilakukan bagi mencungkil bakat-bakat baharu serta mewujudkan barisan pelapis yang berpotensi untuk menjadi juara.

Kerajaan Negeri turut memberi penekanan terhadap usaha menjana keupayaan atau potensi belia sebagai aset yang paling bernilai bagi meneruskan kesinambungan pembangunan negeri. Usaha ini dapat dilaksanakan dengan memberi fokus pada beberapa strategi, iaitu pembangunan masyarakat, pembangunan diri menerusi pendidikan, ilmu dan maklumat, strategi pembangunan ekonomi dan strategi pembangunan rohani.

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada atlet-atlet SUKMA negeri Selangor yang berjaya menduduki tempat kedua keseluruhan temasya SUKMA yang berlangsung di Terengganu pada Jun lalu. Saingan sengit diberikan oleh kontinjen tuan rumah menyebabkan kita terlepas peluang mempertahankan kejuaraan bagi kali yang ketujuh berturut-turut.

Tetapi usaha gigih yang diberikan oleh para atlet harus wajar mendapat penghargaan dan pujian daripada kerajaan negeri Selangor. Kita percaya Kontinjen Selangor bersedia meningkatkan usaha supaya merampas kembali kejuaraan pada temasya SUKMA tahun 2010 yang bakal berlangsung di Melaka.

Kita juga menaruh harapan agar kegemilangan skuad merah kuning dalam sukan bola sepak dapat dikembalikan. Semangat juang untuk negeri tercinta perlu disemat dalam sanubari setiap pemain bola sepak negeri Selangor sebagaimana pemain bola sepak legenda Selangor yang bermain bukan untuk mengejar habuan semata-mata. Kerajaan Negeri percaya pihak pengurusan bersedia berusaha bagi mengembalikan kegemilangan dan prestij bola sepak Selangor dengan mencari formula baharu dalam usaha memperkasa prestasi sukan bola sepak negeri Selangor.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Mungkin ada pihak bertanya : “Apakah kebajikan rakyat Selangor terpelihara?”

Dengan wawasan “Selangor Negeri Idaman, Maju dan Sejahtera”, kemakmuran kesejahteraan dikurniakan oleh Allah SWT kepada negeri Selangor ini mesti dinikmati bersama oleh seluruh lapisan rakyat negeri Selangor tanpa mengira usia, bangsa, agama dan dukungan politik. Pernyataan ini sesuai dengan menjadikan Selangor *baidatun taibatun warrabun ghaffur* - sebuah negeri yang baik, aman dan makmur.

Justeru itu, sebagai negeri yang termaju di Malaysia, setiap pembangunan di negeri Selangor yang sedia dan bakal dilaksanakan perlu mengambil sikap aspek sosial dan kebajikan rakyat, khususnya kepada kumpulan sasaran yang meliputi golongan kurang upaya, orang miskin, warga emas, masyarakat orang Asli, ibu tunggal insan kurang bernasib baik.

Wadah atau platform yang sesuai yang kita sediakan bagi kumpulan sasaran menyuarakan pandangan dan maklum balas mereka kepada pihak-pihak berwajib. Contohnya, dengan memberi ruang kepada wakil-wakil orang kurang upaya atau OKU menjadi Ahli Majlis di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) agar pentadbiran di PBT tidak sewenang-wenangnya meminggirkan mereka.

Khusus dalam usaha memajukan masyarakat Orang Asli, suatu penilaian semula hendaklah dilakukan terhadap orang Asli di Selangor, meliputi pembangunan ekonomi dan sosial mereka. Kerajaan Negeri bercadang mengadakan bengkel pada pertengahan tahun 2009 bagi mendapatkan pandangan Jabatan Orang Asli dan kalangan cerdik pandai yang lain, dan seterusnya menghasilkan kertas dasar (*blue print*) yang bakal digunakan dalam usaha membantu golongan orang Asli agar sama-sama menikmati limpahan pembangunan di negeri ini.

Usaha yang sama mungkin dilanjutkan kepada rancangan membangunkan masyarakat yang tinggal di pulau-pulau dan di kawasan pedalaman. Tegasnya, mulai tahun 2009, Kerajaan Negeri mahu memastikan pelbagai bentuk masyarakat di Selangor turut mendapat perhatian dan menerima bantuan yang sewajarnya.

Seterusnya, Kerajaan Negeri bertekad mewujudkan Dasar Kebajikan Negeri Selangor yang jelas di samping dasar-dasar negeri yang sedia ada. Setiap aktiviti dan program sumbangan kebajikan mestilah dilaksanakan mengikut perancangan yang teliti. Mekanisme penyaluran pelbagai bentuk bantuan kebajikan mestilah telus, adil dan saksama.

Dalam usaha memperkasa golongan wanita dan keluarga, kita perlu terus berusaha memartabatkan golongan wanita dalam agenda pembangunan. Usaha Kerajaan Negeri untuk mengangkat isu-isu kritikal wanita dan keluarga seperti langkah mengkaji pemberian 90 hari cuti bersalin boleh memberi impak kepada positif institusi keluarga di negeri ini. Sementelahan pula, Kerajaan Negeri sekarang memang prihatin kepada semua golongan rakyat.

Selaras dengan sikap keprihatinan ini, golongan wanita perlu dibantu dalam usaha mengimbangi masalah yang dihadapi di kawasan pedalaman dan bandar. Pelbagai kemahiran dan ilmu hendaklah diberi kepada golongan pekerja wanita, ibu tunggal, pekerja ladang, wanita Orang Asli, warga emas dan suri rumah. Antara ilmu dan kemahiran bagi meningkatkan taraf ekonomi keluarga, termasuk bidang keusahawanan, kesihatan, motivasi, pembangunan jati diri dan seni kraf.

Dalam usaha mengikut sertakan peranan golongan wanita dalam arus pembangunan negeri, kita juga mahu golongan wanita tahu dan faham hak-hak mereka dalam keluarga dan masyarakat daripada sudut perundangan. Kita berpendapat usaha untuk mengadakan pusat serenti wanita sebagai langkah yang sesuai bagi memastikan kebajikan mana-mana wanita yang teraniaya, dibela dengan segera.

Berhubung dengan golongan warga emas pula, berdasarkan statistik, terdapat 273,500 orang warga emas yang berumur 60 tahun ke atas di negeri Selangor, ataupun 5.0% daripada jumlah keseluruhan penduduk di negeri Selangor. Kita juga mahu memberi tumpuan khusus kepada warga emas dengan merangka program-program yang bersesuaian agar golongan ini terus memberikan sumbangan dalam bentuk fikiran dan nasihat bagi meneruskan agenda pembangunan Selangor negeri maju.

Baiklah, sekarang kita huraikan strategi kedua, iaitu Mempertingkatkan Hasil Pendapatan Negeri.

Pertama, menerusi peningkatan royalti bahan batuan. Kerajaan Negeri Selangor menubuhkan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) yang beroperasi sebagai syarikat kerajaan yang memberi penumpuan pada aktiviti perniagaan pasir. Dijangkakan royalti bahan batuan berjumlah RM50 juta diperolehi oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2009. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak dua kali ganda daripada jumlah RM20 juta yang diperolehi pada tahun 2007 dan 2008.

Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. memulakan aktiviti pengeluaran pasir pada 5 September 2008. Aktiviti perlombongan pertama di PT 32546, Mukim Dengkil, Daerah Sepang dijangkakan dapat mengeluarkan hasil sebanyak 1.5 juta padu setahun. Kerajaan Negeri juga sedang meneliti kawasan melombong pasir yang baharu, MC 10 di Olak Lempit dengan mengamalkan tadbir urus yang telus, cekap amanah bagi mengelakkan ketirisan.

Perlu ditegaskan, Kerajaan Negeri mengguna pendekatan untuk tidak memberi permit kepada syarikat-syarikat lain dan individu, sebaliknya memberi peluang kepada KSSB melaksanakan operasi pasir di tanah kerajaan. Langkah ini juga mampu meningkatkan hasil Kerajaan berlipat-lipat ganda dijangkakan RM150 juta tahun hadapan di samping membendung aktiviti-aktiviti negatif seperti aktiviti mencuri pasir yang semakin berleluasa kini.

Pendapatan negeri juga dapat ditingkatkan dengan menjadikan sungai sebagai punca pendapatan bagi Kerajaan Negeri. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dilaporkan sudah membuat perancangan jangka pendek dan jangka panjang serta menyusun beberapa program aktiviti pembangunan sumber air. Usaha dan tindakan ini dijangka dapat memberikan pulangan secara terus kepada Kerajaan Negeri.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri berpendapat penglibatan Kerajaan Persekutuan dalam pembangunan sumber air ini perlu kerana sungai digunakan bersama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Contohnya, Sungai Klang dan Sungai Gombak digunakan bersama oleh rakyat Selangor dan penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Oleh itu, tanggungjawab untuk menjaga sumber air ini wajar dipikul bersama.

Seterusnya terdapat beberapa program yang dikenal pasti dapat memberi pulangan kepada Kerajaan Negeri yang dianggarkan melebihi RM100 juta setahun. Antara program yang telah kita katakan tadi royalti dan pengeluaran bahan batuan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.; kajian semula kadar caj abstraksi air mentah, yang selaras dengan kenaikan kadar tarif air berawat; pelesenan bahan pencemar (*Effluent Discharge*) dengan pelaksanaan konsep "*Let Polluters Pay*", orang yang mencemar mestilah membayar. Program rakan pintar bersama PBT, NGO dan swasta.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri juga melaksanakan program mengutip tunggakan cukai secara tuntas dalam usaha meningkatkan hasil pendapatan negeri. Pentadbiran cukai yang cekap dianggap penting bagi menjamin pendapatan negeri yang menentukan kelancaran dan keberkesanan segala dasar dan strategi pembangunan Kerajaan Negeri.

Dalam hal ini, cabaran utama Kerajaan Negeri bagi mengurangi jumlah tunggakan hasil yang semakin meningkat dari setahun ke setahun. Oleh sebab itu Kerajaan Negeri terpaksa merangka strategi serampang dua mata: memberi tumpuan terhadap kutipan tunggakan hasil, dan dalam masa sama menggandakan usaha mengutip hasil semasa.

Di peringkat pejabat daerah dan pihak berkuasa tempatan, penguatkuasaan mahu diperhebat bagi memantau jumlah kutipan hasil semasa. Bagi tujuan ini, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bersetuju supaya proses perampasan tanah dilakukan terhadap pengguna yang masih gagal menjelaskan tunggakan cukai selepas Notis 6A, Kanun Tanah Negara 65 dikeluarkan. Penguatkuasaan ini dikenakan terhadap semua pihak dan malah anak syarikat Kerajaan Negeri tidak terkecuali dikenakan tindakan ini.

Mulai 2008, kaunter kutipan hasil di semua Pejabat Tanah/Daerah dibuka pada waktu rehat, iaitu pada jam 1.00 hingga 2.00 petang dan dilanjutkan sehingga jam 4.00 petang bagi kemudahan kepada pembayar cukai di seluruh Selangor. Ia merupakan antara penambahbaikan Sistem Penyampaian Kerajaan yang memudahkan orang awam berurusan dengan Kerajaan Negeri.

Di samping itu, pelbagai strategi lain dirancang bagi meningkatkan kutipan hasil. Antaranya, pelaksanaan pelbagai kempen kesedaran seperti kempen membayar cukai sebelum 31 Mei, mengadakan operasi '*knock-door*', ketuk pintu untuk membuat kutipan luar ke kampung-kampung dan taman-taman perumahan di samping membuka kaunter

ketika program dan majlis kerajaan yang dianjurkan oleh agensi kerajaan. Turut diadakan Sistem Ganjaran kepada semua Pejabat Tanah dan Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi mencapai matlamat meningkatkan hasil negeri.

Bagi menggalakkan pembayaran cukai, Kerajaan Negeri menggunakan pendekatan positif dengan tawaran remitan atau diskaun sehingga 30% kepada pembayar cukai tanah yang dikenakan caj denda lewat pembayaran. Hasil Kerajaan Negeri dijangka bertambah kukuh dengan pengenalan caj tambahan terhadap perlanjutan tempoh bayaran premium. Malah, hasil dijangka bertambah ekoran keputusan Kerajaan Negeri tidak lagi menimbang semua permohonan rayuan pengurangan premium kecuali individu yang layak dipertimbangkan sahaja berasaskan sosioekonomi.

Saya bersikap positif terhadap ketekunan semua Pegawai Daerah dan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan serta seluruh petugas masing-masing bagi mencapai matlamat meningkatkan kutipan hasil secara maksimum setiap tahun.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan Speaker,

Berhubung dengan produk pelancongan Selangor pada tahun 2008 ini, Kerajaan Negeri mahu meningkatkan usaha bagi mencapai jumlah seramai 5.5 juta pelancong ke negeri Selangor. Sehingga 31 Julai 2008, negeri Selangor menerima kedatangan pelancong seramai 3.1 juta orang.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri mahu memberi tumpuan kepada program “menginap serumah dengan tuan rumah” atau *homestay* melalui kerjasama dengan pihak institusi pengajian tinggi awam dan swasta dalam program-program ekopelancongan. Selain itu Kerajaan Negeri menggalakkan pelancongan kesihatan, pendidikan dan hutan. Taman Warisan Negeri hendaklah dijadikan pusat tarikan pelancongan yang baharu.

Program “Malaysia Rumah Keduaku” atau *Malaysia My Second Home* didapati semakin mendapat tempat di hati kalangan pelancong luar negara. Program ini berupaya menarik pelancong kembali ke negeri Selangor dan tinggal lama di Selangor apabila bersara di negeri mereka.

Seterusnya, Kerajaan Negeri memberi fokus pada program penjenamaan semua sektor pelancongan di negeri Selangor bagi tujuan memperbaiki kualiti produk pelancongan. Kerajaan Negeri berhasrat mempergiat promosi pelancongan melalui periklanan di akhbar, majalah, laman web dengan input yang terkini sempena Tahun Melawat Negeri Selangor 2010.

Strategi ketiga dalam perancangan Bajet 2009, iaitu usaha Kerajaan Negeri memberikan perhatian yang serius bagi membangunkan modal insan. Program membangunkan modal insan yang berkualiti serta seimbang daripada segi jasmani, rohani dan intelek dilaksanakan dalam Kerajaan Pakatan Rakyat bermula dengan projek induk pada Ogos lalu. Program ini, yang dikenali dengan akronim “SPIES”, merangkumi aspek Kerohanian (*Spiritual*), Fizikal (*Physical*), Intelektual (*Intellectual*), Emosi (*Emotion*) dan Sosial (*Social*). Kerajaan Negeri percaya program ini dapat memulakan kelahiran modal insan yang cemerlang.

Selain itu, Kerajaan sudah merangka program-program untuk melahirkan modal insan yang bakal mempunyai kepakaran dan keterampilan dalam pelbagai bidang bagi

menunjangi perkembangan ekonomi negeri, sosial, dan malah kepimpinan negeri. Tegasnya, program-program seumpama ini diharap dapat melahirkan insan yang mempunyai sikap tolak-ansur dan saling memahami antara pelbagai budaya dan kaum agar rakyat negeri Selangor hidup dalam keadaan harmoni terhindar daripada perasaan buruk sangka antara satu sama lain.

Bagi perkhidmatan awam pula, saya percaya sektor ini dapat diperkasa melalui pemantapan kualiti modal insan. Ini dapat dibuktikan dengan peningkatan kualiti Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam. Sehubungan itu, pelbagai program dirangka dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan matlamat memperkasa perkhidmatan awam dapat dicapai.

Dalam usaha melaksanakan konsep “SPIES” secara menyeluruh, maka setiap modul latihan atau aktiviti yang dirancang kelak perlu diasaskan pada lima elemen tersebut. Sehubungan itu, visi pembangunan modal insan negeri Selangor bagi mewujudkan masyarakat cemerlang secara holistik yang menjadi model kepada manusia sejagat sebagai masyarakat yang sejahtera, produktif, efektif, maju dan berdaya saing berlandaskan nilai-nilai spiritual dan moral yang murni.

Program latihan dan pembelajaran ini merancang membangunkan masyarakat yang kreatif dan inovatif yang memiliki ilmu dan keupayaan sains dan teknologi. Kita juga memberi penekanan usaha melahirkan ramai individu yang memiliki pengetahuan dan keterampilan dalam pelbagai cabang seni, budaya, bahasa dan sastera.

Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Rendah Agama (SRA) pula hendak diperkasa bagi membolehkan setiap pelajar melaksanakan aktiviti yang dapat membina anggota masyarakat yang berpegang teguh pada prinsip agama, nilai murni dan mengamalkannya dalam kehidupan bermasyarakat.

Program pemantauan dan penilaian juga dibuat bagi mengukur keberkesanan setiap aktiviti yang dijalankan. Program-program susulan seperti Briged Amal Belia, aktiviti sukarela dan sosial dijangka dilaksanakan bagi memastikan pembangunan modal insan yang dilaksanakan sentiasa berterusan dan berkesan.

Kerjasama semua pihak termasuk pelbagai agensi kerajaan, semua golongan pemimpin masyarakat dan badan bukan kerajaan (NGO) sangat diharapkan bagi memastikan semua perancangan pembangunan modal insan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Perkhidmatan awam memainkan peranan penting bagi menyokong dan membantu inisiatif sektor swasta melalui penyediaan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien dan mesra pelanggan. Penambahbaikan terhadap sistem penyampaian prosedur dan proses cadangan pemajuan merupakan aspek terpenting dalam usaha kerajaan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Dalam hal ini, selaras dengan usaha memperkukuhkan sistem penyampaian, Pusat Sehati (OSC) diwujudkan bagi memendekkan masa memproses permohonan cadangan memajukan secara serentak, dan sekali gus dapat mempertingkatkan keberkesanan sistem penyampaian prosedur dan proses cadangan pemajuan tanah di PBT.

Pada masa sama, Kerajaan Negeri meminta kerjasama erat daripada semua jabatan agar sama-sama berusaha meningkatkan imej Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat dengan memberi layanan yang adil, cepat dan cekap terhadap semua aduan yang dikemukakan

oleh orang awam. Lanjutan terhadap permintaan kerjasama itu, Kerajaan Negeri mengarahkan agar setiap Jabatan Kerajaan termasuk PBT memperkemas sistem pemantauan aduan masing-masing dengan mengadakan unit aduan yang khusus dan mengadakan mesyuarat pemantauan bagi menyelesaikan setiap aduan pelanggan.

Sehubungan itu, diwujudkan sistem talian aduan rakyat Selangor (STARS) yang dibangunkan berdasarkan keperluan mengadakan aplikasi khusus bagi membolehkan pengurusan dan pengumpulan aduan dan maklum balas secara sistematik. Aduan atau maklum balas dapat dikumpulkan dan disalurkan kepada organisasi yang melanggan melalui perkhidmatan Portal STARS dengan lebih cepat dan berkesan.

Berhubung dengan masalah sosial yang makin berleluasa, Kerajaan Negeri berpendapat betapa perlunya operasi rumah urut dan pusat hiburan dipantau agar ia mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh PBT. Sehubungan itu, semua PBT dipastikan mengambil tindakan yang pantas dan tegas, khususnya terhadap premis rumah urut dan pusat hiburan yang beroperasi melebihi had masa yang ditetapkan. PBT juga perlu mengkaji bilangan pusat hiburan yang beroperasi melebihi had masa yang ditetapkan. PBT juga perlu mengkaji bilangan pusat hiburan yang boleh diluluskan mengikut kawasan dan kesesuaian lokasi agar tidak menimbulkan masalah kepada penduduk sekitarnya.

Mulai tahun 2008, semua PBT di Lembah Klang dikehendaki menjalani kajian bagi mewujudkan Zon Pusat Hiburan. Zon ini bertujuan menempatkan pusat-pusat hiburan di kawasan khas yang diwartakan sebagai zon pusat hiburan untuk memudahkan pemantauan dilaksanakan oleh pihak PBT dan Polis. Kawasan yang dipilih hendaklah berjauhan dari kawasan kediaman bagi mengelakkan gangguan terhadap penduduk.

Permohonan bagi lesen baharu hanya boleh dipertimbangkan kepada pemohon yang hendak menjalankan perniagaan di kawasan zon pusat hiburan. Pengusaha-pengusaha yang melanggar undang-undang boleh dikenakan tindakan serta-merta bagi membendung kegiatan maksiat. Oleh itu, pasukan penguat kuasa di PBT mestilah telus dan berintegriti dalam hal menjalankan tugas penguatkuasaan dan hendaklah menjauhi sama sekali amalan rasuah dan sekali gus salah guna kuasa.

Tuan, Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Peranan ketua kampung amat penting kerana mereka merupakan perantara masyarakat dan pentadbiran kerajaan di peringkat daerah. Pada 30 Ogos yang lalu, Kerajaan Negeri melantik seramai 366 orang ketua kampung yang baharu bagi menggantikan ketua-ketua kampung lantikan kerajaan lalu. Kerajaan sekarang berjanji bagi memastikan perkhidmatan ketua-ketua kampung baharu tidak membezakan dukungan politik atau pandangan rakyat di daerah tersebut. Sebab utama kami merombak dan menolak JKKKP dahulu kerana diskriminasi yang wujud sebelum ini yang mengamalkan pelantikan berdasarkan pegangan politik.

Pemilihan ketua kampung oleh Kerajaan Pakatan Rakyat kini dilakukan secara telus dan adil, serta melalui beberapa peringkat saringan. Ketua-ketua kampung yang baharu ini diletakkan dalam tempoh percubaan selama enam (6) bulan bagi melihat keupayaan mereka mentadbir kampung serta memastikan mereka melepasi tapisan keselamatan Polis, Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan Jabatan Insolvensi. Jika mereka melepasi

tapisan ini selepas tempoh enam (6) bulan tersebut, barulah mereka dilantik secara muktamad sebagai ketua kampung.

Perlu saya tegaskan di sini, Kerajaan Negeri Selangor sama sekali tidak mengiktiraf Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan, dan yang ketua dan ahli-ahlinya dilantik berdasarkan kepentingan politik. Oleh itu, kewujudan JKKKP boleh mengeruhkan lagi hubungan antara penduduk, dan boleh menyebabkan pentadbiran kampung menjadi kacau bilau. Tambahan pula, hak melantik ketua kampung terletak dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh itu sewajarnya Kerajaan persekutuan menghentikan sikap menyalahgunakan wang rakyat dengan cara meningkatkan penggunaan kos pentadbiran JKKKP, yang sebenarnya tidak perlu.

Tegasnya, Kerajaan Persekutuan lebih dianggap “bersopan” jika segera membuang sikap “gemar mengganggu” tadbir urus Kerajaan Pakatan Rakyat di seluruh pelosok negeri Selangor. Tambahan pula, Kerajaan Persekutuan dilihat tidak amanah dalam hal membelanjakan cukai rakyat dalam perkara yang tidak mendatangkan hasil ini, malah tidak diperlu pun.

Seterusnya, dihuraikan pula strategi keempat, iaitu pengurusan perbelanjaan yang cekap dan berhemat (berjimat). Saya menggunakan kesempatan ini untuk menasihati diri saya dan rakyat supaya amalan berjimat cermat diterapkan dalam setiap individu dan berbelanjah secara berkhemah bagi mengelakkan pembaziran supaya kita dapat hidup dengan aman dan dalam serba cukup.

Pengurusan perbelanjaan yang cekap dan berjimat dalam semua aspek sangat penting bagi melengkapkan pelaksanaan strategi bajet tahun 2009 ini. Sebagai usaha untuk mengurangi perbelanjaan, Kerajaan Negeri melaksanakan budaya perbelanjaan berhemat dengan memastikan semua perbelanjaan dibuat lebih berhati-hati berdasarkan prinsip “alah membeli menang memakai” atau lebih kurang bermaksud, (dengan izin) *value for money*.

Usaha ini perlu diamalkan bagi mengelakkan berlakunya pembaziran dalam pentadbiran Kerajaan Selangor. Beberapa surat pekeliling dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor yang menggariskan panduan perbelanjaan berhemat dengan memaklumkan kepada Ketua Jabatan, Badan Berkanun, Agensi Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan dengan langkah-langkah tambahan yang perlu dilaksanakan bagi mengawal perbelanjaan awam.

Di samping itu, Kerajaan Negeri menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) bagi memantau selia dan memeriksa keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam segala urusan pentadbiran Kerajaan Negeri dan semua agensi, badan berkanun, pihak berkuasa dan pertubuhan yang berkaitan dengan atau dalam pentadbiran Kerajaan Negeri. Penubuhan SELCAT ini bagi memastikan Kerajaan Negeri berada di landasan yang tepat dan benar dalam segala urusan tanpa dibayangi kelemahan kerajaan terdahulu.

Saya menyeru semua pihak supaya mendisiplinkan diri dengan mematuhi peraturan kewangan dan semua pekeliling yang sedang berkuat kuasa bagi menjamin pengurusan kewangan kerajaan yang telus dan cekap. Kita tidak mahu wang rakyat dibelanjakan dengan sewenang-wenangnya tanpa memberi manfaat kepada rakyat. Ia merupakan

antara perubahan yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan. Kita perlu sedar betapa setiap wang yang dibelanjakan merupakan antara perubahan yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan. Kita perlu sedar betapa setiap wang yang dibelanjakan merupakan amanah yang mesti dipikul dalam usaha menguruskan kewangan kerajaan.

Seterusnya diperkatakan strategi kelima dalam usaha memantapkan pembangunan negeri Selangor.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Hala tuju perancangan dan pembangunan negeri Selangor dibentuk berdasar wawasan, pemikiran serta usaha yang bermatlamatkan pendekatan yang lebih komprehensif dan holistik, iaitu pembangunan yang menggabung secara komposit faktor jasad, akal, dan roh. Prinsip asas yang menjadi teras perancangan, memberi penekanan terhadap pembangunan yang seimbang dengan menetapkan nilai kerohanian dalam setiap perancangan pembangunan di samping memastikan dilakukan penjagaan dan pengekalan alam sekitar.

Negeri Selangor dilihat ke hadapan daripada negeri-negeri lain di Malaysia dalam usaha memacu pembangunan dan dalam masa sama sentiasa dalam kedudukan teratas dalam persaingan untuk meraih kesejahteraan ekonomi. Pencapaian membanggakan ini perlulah disertai komponen kerohanian, emosi dan sosiobudaya agar generasi dan masyarakat yang bakal dilahirkan mempunyai nilai kerohanian yang kental dan bersahsiah mulia. Jati diri dan maruah negara dan negeri dapat dibina melalui ketabahan serta kejayaan mengatasi pelbagai cabaran berdasarkan prinsip, nilai dan agama setiap rakyat di negeri Selangor.

Dalam hal kadar pembangunan bandar di negeri Selangor, perbandaran berkembang dalam konteks yang sangat kompleks. Terdapat banyak isu perbandaran yang timbul memerlukan pemantauan yang berterusan. Pelbagai pihak yang berwenang. Antara isu perbandaran yang semakin kritikal termasuklah tiada penetapan sempadan bandar yang jelas hinggalah menyebabkan pembangunan perbandaran yang tidak terkawal. Kawasan usang dan terbiar di kawasan bandar pula memerlukan pembangunan semula bagi mengelakkan masalah jenayah menjalari bandar-bandar yang selamat.

Maka, tugas utama Kerajaan Negeri wajar tertumpu kepada pembangunan hartanah yang secara langsung berkait rapat dengan perancangan fizikal negeri Selangor. Konsep Pembangunan guna tanah dan hartanah Negeri perlulah diubah bagi memastikan pembangunan yang lebih teratur dan mesra alam. Perubahan ini perlu diterapkan di kawasan pembangunan utama seperti Petaling Jaya, Shah Alam dan Klang. Di negara-negara maju yang lain di dunia, penerokaan tanah untuk pembangunan tidak lagi dianggap cara yang terbaik bagi mengurus pembangunan perbandaran. Sebaliknya, mereka menerapkan konsep pembangunan baharu yang lebih baik, dikenali sebagai konsep pembangunan semula ataupun pembinaan semula bandar (*urban renewal* atau pun *urban reconstruction*). Sekali gus, penggunaan konsep ini dapat meningkatkan lagi nilai hartanah setempat.

Saya berharap agar pembangunan tidak berlaku seperti di Damansara dengan keluasan tidak melebihi 20 ekar dan mempunyai 10 blok bangunan dan ketinggian 20 tingkat berdekatan satu sama lain. Pembangunan seumpama ini terlalu padat, kerana penyediaan kemudahan asas seperti surau, dewan, kawasan lapang, tempat letak

kereta dan motosikal terletak di tahap minimum. Keadaan seumpama, secara tidak langsung boleh mengakibatkan wujudnya masalah sosial yang sukar dibendung.

Justeru itu, saya yakin negeri Selangor dapat menyediakan guna tenaga mahir selari dengan arus pembangunan yang sangat pesat di negeri ini. Secara tidak langsung kualiti pembangunan dapat ditingkatkan dan kos penyelenggaraan dapat dikurangi ke tahap 20% daripada keseluruhan peruntukan negeri.

Pelaksanaan beberapa kajian terutama tatacara pembinaan dalam kawasan pembinaan, pembangunan infrastruktur, dijangka dapat menyelaraskan pembangunan dengan dasar Kerajaan Persekutuan serta memberi fokus dan mengambil kira aspek kemudahan, sosial ekonomi, serta melaksanakannya secara mampan.

Berkaitan dengan isu tempat pelupusan sampah, isu ini sangat hangat diperkatakan dan perlu segera diselesaikan. Selaras dengan usaha Kerajaan Negeri meningkatkan kesejahteraan rakyat, kita memang memantau usaha-usaha meningkatkan kualiti pelupusan sisa pepejal di negeri Selangor. Suatu tapak pelupusan sampah yang baharu dijangka disediakan di Kuala Langat bagi menampung pembuangan sisa pepejal yang meningkat dengan drastik pada setiap tahun.

Di samping itu, kita masih mahu masalah pembuangan longgokan sampah dan sisa pelupusan bahan binaan, selama ini dibuang secara haram di tepi-tepi jalan di sungai, dapat diselesaikan. Bagi tujuan tersebut, jabatan-jabatan Kerajaan yang terlibat perlulah memastikan dua (2) buah tapak *inert landfill* iaitu di Dengkil (Sepang) dan Kuang (Gombak) beroperasi dengan cekap supaya masalah sisa bukan domestik ini dapat diselesaikan secara tuntas.

Antara penyelesaian masalah sampah selain program kitar semula, termasuklah program rehabilitasi tapak pelupusan yang hendak diusahakan dengan lebih sempurna. Selain itu, saya berkeyakinan pembinaan *incinerator* mini dapat menyelesaikan isu pelupusan sampah domestik di Selangor.

Pun begitu, bagi memenuhi tujuan tersebut, suatu kajian keberkesanan fungsi *incinerator* mini perlu dijalankan sebelum ia dilaksanakan. Selain itu, saya berpendapat jika pengurusan sisa pepejal ini diambil alih oleh Kerajaan Negeri, ia mungkin menjadi lebih teratur dan berkesan serta menjimatkan wang rakyat berbanding jika ia dalam pengurusan Alam Flora. Kita ada alasan munasabah dalam perkara ini. Secara purata, PBT membelanjakan lebih daripada 30% hasil cukai mereka kepada Alam Flora bagi pembayaran pelupusan sampah. Oleh itu, saya mahu Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pengerusi Jawatankuasa Portfolio yang berkenaan supaya mengkaji secara mendalam cadangan pengambilalihan pengurusan sisa pepejal oleh negeri Selangor.

Tuan-tuan, Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Berhormat, saya sekarang memperkatakan aspek penubuhan jawatankuasa bangunan keagamaan bukan Islam.

Sebelumnya jawatankuasa ini dinamakan Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang ditubuhkan pada 1993. Jawatankuasa ini berperanan bagi menyelesaikan masalah berhubung dengan isu mengenai pembangunan bukan Islam dan memperakukan permohonan pembermilikan tanah bagi tapak baharu dan penggantian tapak bangunan keagamaan bukan Islam. Jawatankuasa ini bersidang sepatutnya bersidang kurang-kurangnya dua (2) kali setahun.

Sebelum ini Kerajaan Negeri memberikan bantuan kepada bantuan kewangan kepada bangunan keagamaan bukan Islam mulai tahun 2003. Bantuan tersebut merupakan peruntukan kecil bagi membaik pulih kerosakan kecil tokong, kuil, gereja di seluruh negeri Selangor.

Peruntukan yang diberikan tidak melebihi RM10,000 bagi setiap bangunan keagamaan dan permohonan peruntukan perlu dikemukakan melalui wakil rakyat setempat. Setiap kawasan DUN diperuntukkan sebanyak RM 50,000 untuk diagihkan kepada bangunan keagamaan yang memerlukan.

Pada tahun ini (2008), Kerajaan Pakatan Rakyat menaikkan peruntukan rumah ibadat selain Islam, sebanyak RM2 juta. Bagi Bajet 2009 ini pula Kerajaan bersetuju menyediakan peruntukan sebanyak RM6 juta bagi kegunaan tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tetap memantau dan mengawal pembinaan kuil-kuil dan tokong-tokong yang tidak mematuhi spesifikasi ataupun peraturan yang sedang berkuat kuasa.

Berkenaan dengan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV), saya dimaklumi semua PBT sudah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal yang turut melibatkan pihak Polis di peringkat daerah bagi menentukan lokasi pemasangan kamera litar tertutup (CCTV). Saya mengarahkan J/K Teknikal supaya mengkaji kos pemasangan agar jumlah yang berpatutan dibayar kepada syarikat kerana kontrak tersebut sudah diberikan oleh Kerajaan Barisan Nasional ketika memerintah Negeri Selangor.

Di samping itu, saya berharap dilakukan semula tentang bilangan CCTV yang diletakkan di kawasan hitam, kawasan kesesakan lalu lintas, kawasan tumpuan awam serta kawasan yang difikirkan perlu supaya fungsi CCTV berjalan dengan berkesan. Pada masa ini keseluruhan pembahagian kamera di setiap PBT, berjumlah 414 unit. Sebagaimana dinyatakan tadi, Kerajaan Negeri sedang dalam proses menilai semula perancangan projek ini bagi memastikan projek ini benar-benar memanfaatkan dari segi segala keselamatan.

Seterusnya berkenaan dengan usaha pemuliharaan alam sekitar. Saya menyeru semua warga negeri Selangor supaya sama-sama memulihara alam sekitar kini demi kesejahteraan generasi ke generasi. Jika tidak, impian untuk menjadi Selangor Idaman pasti tidak kesampaian jika alam sekitar kita dicemari dan tidak dipulihara. Saya meminta supaya Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar yang kerap memantau dengan lebih cekap dan tegas terhadap isu yang berkaitan alam sekitar dan pencemaran, serta menyelaras aktiviti-aktiviti yang dapat melahirkan kesedaran masyarakat tentang betapa pentingnya memulihara alam sekitar.

Bagi memastikan kejayaan tindakan ini, saya meminta Jabatan Alam Sekitar (JAS) supaya meneruskan usaha-usaha penambahbaikan dalam pengurusan alam sekitar semasa pelaksanaan projek pembangunan. JAS atau Jabatan Alam Sekitar mestilah sentiasa memberi maklum balas dan ulasan yang membina dan konstruktif dalam usaha pemuliharaan alam sekitar bagi memastikan faktor alam sekitar diambil kira sebagai langkah pencegahan. Khidmat nasihat juga perlu diberi kepada penggerak projek atau *stakeholders* mengenai aspek kawalan, pencegahan, pencemaran akibat projek-projek pembangunan.

Sehubungan ini, rakyat yang sihat dapat menyumbang terhadap kemajuan negeri. Bagi tujuan tersebut, saya berharap Jabatan Kesihatan Negeri berusaha melaksanakan program-program yang sesuai bagi memastikan setiap individu, keluarga dan masyarakat mencapai tahap kesihatan yang optimum dan menikmati kualiti hidup yang sewajarnya. Usaha yang murni ini termasuklah meningkatkan taraf kesihatan penduduk dan kesihatan persekitaran dengan mengawal penyakit demam denggi dan penyakit-penyakit berjangkit lain, menjaga kebersihan dan keselamatan makanan, serta mempromosikan cara hidup sihat kepada masyarakat.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Anggaran hasil Kerajaan Negeri yang dapat dikutip pada tahun 2009, berjumlah RM 1,400 juta. Ini merupakan peningkatan sebanyak 4.48% berbanding dengan anggaran hasil 2008 yang berjumlah RM1,340 juta. Pendapatan ini merupakan kutipan hasil cukai sebanyak RM 463 juta, hasil bukan cukai sebanyak RM530 juta, dan terimaan bukan hasil sebanyak RM407 juta.

Selaras dengan dasar bajet berimbang saya mencadangkan supaya wang sebanyak RM 1,400 juta diperuntukkan bagi bajet 2009. Daripada jumlah peruntukan ini, RM689,400,000 diperuntukkan bagi Belanja Mengurus dan RM710,600,000 bagi Belanja Pembangunan. Dengan yang demikian, Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan pada tahun 2009 pada nisbah 49% dan 51%.

Seterusnya, pembentangan anggaran perbelanjaan tanggungan, yang berjumlah RM43,684,174 dan diperuntukkan dalam Perbelanjaan Tanggungan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM16,769,025 diperuntukkan bagi Perbelanjaan Diraja, sejumlah RM20,000,000 untuk pembayaran hutang kepada Kerajaan Persekutuan dan pampasan sebanyak RM6,653,947 diperuntukkan bagi perbelanjaan Dewan Undangan Negeri, dan RM361,202 bagi Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri.

Sejumlah RM689,400,000 diperuntukkan dalam Perbelanjaan Perbekalan tahun 2009. Peruntukan ini meningkat sebanyak RM19,400,000 ataupun 2.9% berbanding dengan tahun 2008.

Daripada Peruntukan perbelanjaan mengurus tersebut, sebanyak RM256,794,419.65 diperuntukkan bagi Perbelanjaan Emolumen (gaji). Peruntukan ini meningkat sebanyak RM4.2% berbanding tahun lalu berikutan kenaikan harga minyak yang membawa implikasi terhadap kenaikan harga barangan yang lain.

Sejumlah RM432,605,580.35 pula diperuntukkan dalam perbelanjaan-perbelanjaan lain, iaitu untuk Perkhidmatan dan Bekalan, Pembelian Aset dan Pemberian Kenaan Tetap. Berhubung dengan anggaran perbelanjaan pembangunan, pada tahun 2009 sejumlah RM710,600,000 dicadangkan bagi Perbelanjaan Pembangunan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM 704,844,300 bagi Perbelanjaan Pembangunan dalam Kumpulan Wang Pembangunan Negeri, dan RM5,755,700 bagi Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.

Peruntukan Pembangunan ini diagihkan kepada 11 jabatan yang bertanggungjawab melaksanakan projek-projek pembangunan negeri. Semua peruntukan tersebut merupakan peruntukan yang disediakan secara langsung melalui peruntukan negeri.

Pembahagian secara keseluruhan dilakukan mengikut Kepala-Kepala berikut (Bahagian-bahagian) berikut:

Sejumlah RM 235,229,943 diperuntukkan bagi Bahagian P1- Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan untuk pelbagai projek perkhidmatan masyarakat, pembangunan luar bandar, perbandaran, pembangunan industri, pembangunan sosial, pembangunan institusi pentadbiran, perikanan, mergastua, pembangunan taman, pertumbuhan desa, pembangunan usahawan, pembangunan insan, kajian-kajian, Program Merakyatkan Ekonomi Selangor dan Program-Program dalam Jawatankuasa Tetap.

Sejumlah RM36,000,000 diperuntukkan bagi Bahagian P04 dan P05 – Perbendaharaan Negeri, iaitu RM35,000,000 pelbagai Projek Am dan RM1,000,000 untuk menaik taraf sistem komputer Perbendaharaan Negeri.

Sebanyak RM15,000,000 diperuntukkan bagi Bahagian P08 – Jabatan Pertanian. Peruntukan ini disediakan bagi perbelanjaan projek-projek pembangunan taman agroteknologi, taman makanan, taman industri, industri bunga, industri tanaman hiasan, industri asas tani dan agro pelancongan.

Sejumlah RM5,755,700 diperuntukkan bagi Bahagian P10 – Jabatan Hutan untuk projek pembangunan hutan

Sejumlah RM 190,110,000 diperuntukkan bagi Bahagian P12- Jabatan Kerja Raya. Peruntukan ini bagi perbelanjaan projek-projek pembinaan dan menaik taraf jalan dan jambatan.

Sejumlah RM65,200,000 diperuntukkan bagi Bahagian P13- Jabatan Pengairan Dan Saliran. Peruntukan ini bagi membiayai projek-projek pengairan yang meliputi rancangan mencegah banjir, menaik taraf sistem saliran perumahan dan perindustrian, pembangunan kawasan pertanian dan pelbagai projek pengairan.

Sejumlah RM103,503,000 diperuntukkan bagi Bahagian P14 – Jabatan Agama Islam. Peruntukan ini disediakan bagi projek-projek membina dan menaik taraf sekolah-sekolah rendah agama, pejabat-pejabat agama dan masjid. Peruntukan ini juga melibatkan kerja penyelenggaraan kecil.

Sejumlah RM2,718,357 disediakan bagi Bahagian P16- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa bagi menjalankan kajian pembangunan.

Sejumlah RM6,386,000 disediakan bagi Bahagian P17 – Jabatan Perkhidmatan Haiwan bagi menjalankan projek dan program kawalan penyakit, ternakan ayam, ternakan rusa, transformasi industri lembu tenusu, pembangunan taman agrotek dan pengeluaran makanan, transformasi industri lembu daging dan kambing / bebiri serta pembangunan industri fidlot.

Sejumlah RM700,000 disediakan bagi Bahagian P27 – Mahkamah Syariah bagi menjalankan kerja membaik pulih Institusi Mahkamah Syariah.

Sejumlah RM50, 000, 000 disediakan bagi Bahagian P29 – Peruntukan Luar Jangka.

Tuan Speaker Dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Sekarang, dihuraikan pula sumbangan Kerajaan Negeri kepada Kakitangan Perkhidmatan Awam.

Anggota perkhidmatan awam dalam pentadbiran Kerajaan memang memberikan sumbangan yang besar dan memperlihatkan produktiviti yang tinggi terhadap pembangunan negeri Selangor. Setiap lapisan pegawai dan kakitangan mempunyai kemahiran dan sikap profesionalisme yang tinggi bagi memastikan dasar-dasar kerajaan dapat dilaksanakan dengan pantas dan berkesan.

Saya amat berharap prestasi kakitangan sektor awam dapat dipertingkat dari semasa ke semasa. Pelbagai dasar baharu sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri yang memerlukan kesefahaman dan kerjasama erat dengan kakitangan sektor awam supaya dasar atau polisi ini dapat disampaikan kepada rakyat dengan cekap dan berkesan.

Sebagai tanda penghargaan terhadap sumbangan yang diberikan, Kerajaan Negeri memperuntukkan bonus bersamaan sebulan gaji dengan minimum RM1,000 bagi tahun 2008, dan diberikan dalam dua bayaran. Bayaran pertama diberikan pada September lalu, manakala bayaran kedua menyusul pada November 2008.

Saya percaya dengan pemberian bonus ini, banyak sedikit dapat meringankan tanggungan perbelanjaan kakitangan sektor awam pada musim perayaan dan bagi persiapan persekolahan anak-anak.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada seluruh pegawai dan kakitangan keselamatan yang memberi sumbangan bagi mengekalkan keharmonian dan keamanan serta kestabilan negeri. Terima kasih juga diucapkan kepada rakyat yang memberi mandat dan kepercayaan kepada Kerajaan Pakatan Rakyat untuk memerintah dan mentadbir Negeri Selangor. Sesungguhnya, saya dan barisan pemimpin dalam parti-parti anggota Pakatan Rakyat serta barisan pentadbiran kerajaan awam dan swasta bertekad untuk terus berusaha membawa perubahan demi kesejahteraan rakyat Selangor.

Tuan Speaker Dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Bagi mengakhiri ucapan pembentangan Bajet Tahun 2009 Negeri Selangor ini, saya perlu menekankan lagi penjelasan berkenaan dengan tumpuan utama Kerajaan Negeri dalam usaha melaksanakan Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES). Sesungguhnya, program-program yang sedang dan bakal dilaksanakan meliputi keperluan dan manfaat semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, agama, usia, darjat, mahupun dukungan parti politik. Kita tetap mengakui betapa rakyat merupakan aset paling penting yang menjadi jentera dan nadi penggerak sesebuah negeri untuk terus maju ke hadapan. Maka, demikianlah sanjungan kita terhadap rakyat di negeri Selangor ini, yang diyakini sedia memperbanyak dan memperteguh sokongan kepada parti-parti dalam Pakatan Rakyat.

Suatu peringatan kepada kita semua, iaitu, walaupun negeri Selangor sudah berada di hadapan berbanding negeri-negeri lain di Malaysia, kita semua tidak seharusnya lupa atau leka dibuai mimpi lantaran kejayaan ini. Kita sewajarnya terus berusaha gigih bagi memajukan negeri menuju tahap yang lebih tinggi dan seterusnya di posisi yang mantap dan sukar digugat daripada segala aspek, khususnya ekonomi, politik dan sosial.

Oleh yang demikian, marilah kita menggembelng tenaga agar semua rakyat dapat memperoleh segala manfaat dan nikmat daripada kemajuan Negeri Selangor dengan berlandaskan prinsip Merakyatkan Ekonomi Selangor ke arah negeri berkeadilan. Namun begitu, selaku pemimpin negeri, kami juga menasihati rakyat jelata agar tidak leka terhadap kemewahan hidup, sebaliknya sentiasa menghayati peringatan Allah, sebagaimana firman-Nya dalam surah As-Syura, Ayat 36, bermaksud "Maka sesuatu yang diberikan kepadamu itu merupakan kenikmatan hidup di dunia, dan yang ada pada sisi Allah lebih baik dan kekal bagi orang yang beriman, dan hanya kepada Tuhan mereka bertawakal".

Selaku ketua Kerajaan, saya menanam hasrat untuk memastikan semua pihak terus tekun, gigih dan mempunyai cita-cita yang tinggi bagi memastikan kestabilan ekonomi, keharmonian antara kaum dan kestabilan politik dipelihara bersama. Kita tidak mahu menggadai kemakmuran negeri Selangor yang selama ini kita kecapai bersama, akibat permusuhan, pertelingkahan dan perselisihan pendapat dalam kalangan sesetengah pihak. Kita berharap semua pihak menerima keputusan rakyat dan tidak membelakangkan Perlembagaan Persekutuan dalam keghairahan sesetengah pihak menyerang Kerajaan Negeri.

Kita berharap pemimpin politik dapat memperlihatkan contoh kematangan berpolitik ala bangsa Malaysia dalam proses pematangan sistem demokrasi tanah air kita. Sikap seumpama ini tidak merugikan sesiapa bahkan ia mampu memberi kemakmuran jangka panjang yang dapat diwarisi oleh generasi anak dan cucu cicit kita. Sila kita hayati maksud pantun yang berikut:

Khabarnya ramai orang berjiwa kerdil  
Selama lima dekad BN memerintah  
Kini pentadbiran PR telus dan adil  
Selangor maju rakyatnya mewah

Saya memohon ke hadrat Ilahi agar mendapat rahmat, petunjuk dan hidayah-Nya bagi memimpin negeri Selangor tercinta ini, dalam usaha mengekalkan kesejahteraan, menegakkan kebenaran, membezakan dakyah dan kepalsuan demi kemakmuran rakyat seluruhnya. Semoga kita sentiasa dipelihara Allah SWT berada dalam cakupan perlindungan-Nya. Harapan kita ini bersesuaian sekali dengan firman Allah dalam Surah Yunus, Ayat 58 yang bermaksud: "Dengan kurnia Allah dan Rahmat-Nya, hendaklah dengan itu mereka bergembira. Kurnia Allah dan rahmat-Nya itu lebih baik daripada apa yang mereka kumpulkan".

Bersempena Syawal Tahun Hijrah 1429 ini, saya dan isteri, Puan Sri Salbiah, dengan tulus ikhlas mengucapkan "Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Dan Batin" Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang beragama Islam. Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang beragama Hindu dan semua rakyat Negeri Selangor saya mengucapkan "*Happy Deepavali*" pada 27 Oktober, 2008.

Tuan Speaker, Saya mohon mencadangkan.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang berhormat sekalian, Cadangan ini telah pun disokong bersesuaian dengan peraturan tetap 66 sub 2 sesudah dibacakan Rang Undang-undang Kali Kedua. Perbahasan hendaklah ditangguhkan tidak kurang dari satu jam. Oleh itu perbahasan ini ditangguhkan dan Dewan akan disambung semula pada 21 Oktober, 2008 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 1.30 petang)**